

PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUABELAS 2010

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat
Dijawab Dalam Dewan Rakyat
Daripada Kementerian**

HARI KHAMIS: 17 JUN 2010

CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LIS AN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 10 HINGGA 61)**

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

Soalan No :

10 PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM
(KUALA KEDAH)

TARIKH 17.06.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM [KUALA KEDAH] minta Menteri Pelajaran menyatakan statistik terkini guru Bahasa Tamil dan Cina di sekolah menengah bantuan penuh Kerajaan dan apakah jumlah ini mencukupi dengan bilangan murid yang akan mengambil peperiksaan bahasa tersebut dan apakah iangkah yang telah dibuat oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga 31 Januari 2010 jumlah guru mengikut keperluan perjawatan dan subjek di seluruh negara bagi Bahasa Tamil di Sekolah Menengah adalah seramai 782 orang, manakala guru Bahasa Cina seramai 2,204 orang. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak menafikan memang wujud kekurangan guru bukan sahaja dalam subjek Bahasa Cina dan Tamil, malahan subjek-subjek yang ingin dibeberapa negeri dalam jangka masa tertentu, seperti pada awal sesi persekolahan kerana proses pendaftaran masuk dan keluar murid, serta urusan penempatan guru baru dan juga guru bertukar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat juga beberapa faktor penyebab yang lain seperti guru yang bersara wajib, bersara pilihan atau melanjutkan pelajaran dan juga *mismatch* antara opsyen (pengkhususan mata pelajaran) dengan subjek yang diajar di sekolah. Keadaan ini merupakan fenomena yang

berlaku secara berterusan. Walaubagaimanapun, KPM akan menyediakan keperluan guru untuk mengajar subjek yang ditawarkan di setiap sekolah. Ini bertujuan untuk memastikan semua murid akan menerima pengajaran guru, dan sebagai persediaan mereka menghadapi peperiksaan umum di peringkat rendah dan menengah.

KPM juga sentiasa merancang dari semasa ke semasa untuk memastikan keperluan bekalan guru mencukupi bagi semua jenis sekolah sama ada di peringkat rendah ataupun menengah. Unjuran keperluan guru dibuat dengan mengambil kira keperluan pelbagai jenis aliran sekolah. Terdapat pelbagai program latihan perguruan jangka pendek dan jangka panjang seperti Ijazah Sarjana Muda Perguruan, Kursus Perguruan Lepasan Ijazah, Diploma Pendidikan, dan Kursus Dalam Cuti dijalankan di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Institut Pendidikan Guru bagi membekalkan guru terlatih.

Rjm 35

SOALAN(11)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 17 JUN 2010(KHAMIS)
DARIPADA : Y.B. TAN SRIDATO' SERI DR.
FONG CHAN ONN
(ALOR GAJAH)

**JAWAPAN
SOALAN**

Y.B. DATO' SERI DR. FONG CHAN ONN (ALOR GAJAH) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan memandangkan Persatuan Penduduk dan "Gated Community" sudah mula wujud di kebanyakan kawasan Kuala Lumpur dan bandar-bandar utama kawasan perumahan. Adakah wujud satu sistem yang memastikan ketelusan Persatuan Penduduk dan "Gated Community" serta mencegah pengelapan tabung persatuan penduduk dan penyalahgunaan kuasa oleh ahli jawatankuasa.

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Garis Panduan 'Gated Community and Guarded Neighbourhood' yang digubal oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menetapkan beberapa syarat asas bagi sebarang penubuhan 'guarded neighbourhood'. Permohonan untuk menujuhkan 'guarded neighbourhood' perlu dimaklumkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkenaan melalui pertubuhan penduduk (RA) yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS). Pihak persatuan penduduk perlu mengemukakan dokumen berkenaan dengan persetujuan penduduk dan lain-lain maklumat yang diperlukan kepada PBT dan lain-lain pihak berkuasa yang berkenaan.

Garis panduan ini juga menekankan bahawa sebarang cadangan mewujudkan 'guarded neighbourhood' perlu mendapat persetujuan

JAWAPAN

majoriti penduduk, tertakluk kepada tiada sebarang paksaan dan tekanan kepada penduduk yang tidak bersetuju.

Berhubung dengan sistem bagi memastikan ketelusan Persatuan Penduduk dan ‘Gated Community’ serta mencegah penggelapan tabung persatuan penduduk dan penyalahgunaan kuasa oleh ahli jawatankuasa, ianya adalah tidak digariskan dalam garis panduan yang digubal. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada persoalan yang ditimbulkan telah disentuh di dalam Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663) yang secara perundangan terpakai bagi pembangunan dan pengurusan ‘gated community’ yang dibangunkan di bawah Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang membenarkan pembangunan komuniti berpagar atau ‘gated community’ adalah di bawah Akta Hakmilik Strata 1985 (pindaan 2007) sementara pembinaan sesebuah komuniti berpagar hendaklah selaras dengan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

Pindaan Akta Hakmilik Strata 1985 yang berkuatkuasa pada 12 April 2007 telah menambah satu peruntukan khusus bagi membenarkan

penubuhan komuniti berpagar. Dengan adanya peruntukan ini, Jawatankuasa Penduduk atau Perbadanan Pengurusan adalah sah dari aspek perundangan untuk membina pagar dan palang jalan bagi kawasan skim berkenaan. Ini kerana perkara-perkara seperti jalan dan kawasan lapang adalah menjadi harta bersama di bawah pentadbiran perbadanan pengurusan bagi sesuatu skim komuniti berpagar.

Sehubungan dengan itu, KPKT buat masa ini tidak berhasrat untuk mewujudkan satu sistem bagi memantau Persatuan Penduduk memandangkan undang-undang lain sedia ada didapati memadai.

**Kementerian
Perumahan dan**

Kerajaan Tempatan

Jun 2010

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**JAWAB LISAN TUAN
LIEW CHIN TONG**

**TARIKH
SOALAN**

**17 JUN 2010
(KHAMIS) NO.12**

Tuan Llew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tujuan Kementerian mengutip kos pentadbiran Pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan kenapa pengurangan kadar 3 peratus kepada 1 peratus setahun tidak dilaksanakan selepas diumumkan lebih dua tahun lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan PTPTN mengenakan caj pentadbiran ataupun ‘ujrah’ adalah bagi menampung kos yang diperlukan bagi menguruskan urusan rutin berkaitan dengan pembiayaan pendidikan pelajar bermula daripada proses permohonan pembiayaan sehingga pelajar tamat pengajian.

Kaedah baru pembiayaan pendidikan PTPTN dengan pengenaan ‘Ujrah’ atau upah sebanyak satu peratus (1%) setahun atas kadar rata (*flat rate*) adalah bagi menggantikan kaedah pinjaman sedia ada yang mengenakan kos pentadbiran tiga peratus (3%) dan lima peratus (5%) setahun atas baki berkurangan (*reducing balance*). Perubahan dasar ini melibatkan dua proses besar iaitu perubahan daripada 3% - 5% kepada 1% dan perubahan dari kaedah lama kepada kaedah yang berlandaskan prinsip Islam (Ujrah).

Bagi peminjam baru, PTPTN telah pun melaksanakan kaedah tersebut mulai Disember 2008. Sehingga 31 Mac 2010 sebanyak 244,637 pinjaman telah diluluskan mengikut kaedah baru yang melibatkan amaun pembiayaan sebanyak RM6.4 bilion sehingga pelajar tamat pengajian.

Manakala bagi peminjam sedia ada yang diluluskan sebelum Disember 2008, proses penukaran kepada kaedahbaru telah dibuat secara berperingkat. Walau bagaimanapun, adalah diakui bahawa terdapat beberapa kekangan antaranya sistem yang gagal berfungsi secara efektif dan menyeluruh yang menyebabkan berlakunya kelewatan di dalam urusan penawaran pembiayaan berkonsepkan Ujrah kepada para pelajar/peminjam. Kelewatan ini adalah berpunca daripada kegagalan pihak pengurusan vendor yang dilantik dalam membangunkan sistem tersebut.

Pihak PTPTN sedang berusaha menyelesaikan isu ini ke arah memberi perkhidmatan yang terbaik kepada peminjam. Bagi menangani masalah ini, pengurusan PTPTN telah mengambil tindakan untuk melantik vendor baru bagi pembangunan sistem tersebut yang dijangkakan akan dapat disiapkan sepenuhnya sebelum akhir tahun 2010.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tarikh perlaksanaan dan tarikh berkuatkuasa penurunan caj adalah dua tarikh yang berbeza. Oleh itu, peminjam akan tetap menerima tawaran tersebut, yang mana pengiraan kadar Ujrah 1% akan kekal berkuatkuasa bermula Jun 2008.

SOALAN (13)

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17 JUN 2010 (KHAMIS)

**DARIPADA : Y.B. PUAN TAN AH ENG
(GELANG PATAH)**

JAWAPAN

SOALAN

Y.B. PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan perkembangan projek memasang CCTV di seluruh negara dan masalah-masalah yang dihadapi.

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pemasangan CCTV oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang merangkumi sebanyak 496 buah CCTV di 25 buah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sedang giat dilaksanakan bermula dari 15 Februari 2010 dan dijangkakan siap pada 15 Julai 2010.

Kementerian Perumahan

JAWAPAN

dan Kerajaan Tempatan

Jun 2010

SOALAN NO W

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A : TUAN

HAJICHE

UDABIN

CHENIK

[SIK]

TARIKH : 17JUN2010

JAWAPAN:

SOALAN

TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK] minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan tentang Jambatan Batu 5 (Sungai Sik) terletak di Jalan Negeri kilometer 5 yang menyambungkan Lebuhraya Sik - Gurun dengan Jalanraya Timur - Barat. Jambatan ini didapati begitu kecil serta tidak mampu memenuhi keperluan lalu lintas yang amat banyak / pesat berkembang. Bilakah jambatan ini akan dibesarkan.
Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jambatan di Batu 5 yang juga dikenali sebagai Jambatan Sg. Chepir terletak di jalan negeri K15. Jambatan ini adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan Negeri bercadang untuk menggantikan jambatan sedia ada tersebut di dalam RMKe-10 dengan anggaran kos sebanyak RM 5.18 juta.

JAWAPAN:

2

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

TARIKH 17.06.2010

SOALAN:

TB^DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE [SETIU] minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah Kerajaan telah mengkaji sistem pendidikan untuk mengubah pendekatan pendidikan daripada "pembelajaran melalui hafalan" kepada pendidikan "pemikiran kreatif dan kritis" untuk membangunkan negara ke arah yang lebih mapan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa membuat pemantauan tentang keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Dari masa ke masa, pembaikan dibuat dari pelbagai aspek, termasuk aspek guru, kurikulum serta kaedah pengajaran. Ini kerana peningkatan kualiti pembelajaran sentiasa menjadi agenda utama KPM untuk membentuk generasi muda bagi memenuhi aspirasi pembangunan negara ke arah yang lebih mapan.

Bagi membangunkan kreativiti dan inovasi dalam kalangan murid, KPM telah mengorak langkah sejak tahun 1990an dengan memperkenalkan Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK) secara merentas kurikulum. Mata pelajaran yang kandungannya berfokus kepada kreativiti dan inovasi dilaksanakan seperti mata pelajaran Pendidikan Seni Visual, Pendidikan Muzik.

Reka Cipta, mata pelajaran teknikal dan vokasional. Melalui kurikulum semakan semula bermula tahun 2000, elemen KBKK telah disepadukan dalam kurikulum bertujuan menghasilkan murid yang mampu menyelesaikan masalah dan membuat keputusan. KBKK adalah di antara kemahiran yang penting selaras dengan tuntutan Falsafah

Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan sesuai dengan hasrat negara mencapai taraf K-Ekonomi.

KPM juga menekankan strategi pengajaran dan pembelajaran (p&p) yang dapat membangunkan pemikiran kreatif murid seperti konstruktivisme, pembelajaran berdasarkan projek/masalah, dan inkuiri penemuan untuk diaplikasikan dalam p&p. Sehubungan itu latihan guru telah dilaksanakan dan sekolah dibekalkan dengan bahan rujukan yang relevan bagi membantu mereka melaksanakan p&p secara berkesan.

Dalam usaha memantapkan sistem pendidikan di Malaysia, antara langkah yang telah diambil oleh KPM ialah membuat transformasi kurikulum di peringkat prasekolah, sekolah rendah dan menengah. Menerusi transformasi, kurikulum elemen kreativiti dan inovasi, elemen keusahawanan serta elemen teknologi maklumat dan komunikasi diajar secara eksplisit kepada murid. Selaras dengan itu, KPM sedang dalam usaha menghasilkan **Buku Panduan Kreativiti: Pembangunan dan Amalan dalam Pengajaran dan Pembelajaran** dengan memasukkan aktiviti yang menekankan proses kreativiti dan inovasi bagi setiap mata pelajaran dalam kurikulum sekolah. Buku ini disediakan bagi memantapkan pelaksanaan kreativiti dan inovasi dalam semua mata pelajaran sejajar dengan era globalisasi dalam abad ke-21.

Rjm 33

SOALAN NO.10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
DARI PAD A	Y.B DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR (POKOK SENA)
TARIKH	17 JUN 2010

SOALAN

Y.B DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan:

- (a) Beberapa isu berkaitan kesan alam sekitar yang timbul dari pelaksanaan projek jalan bertol baru Kuala Lumpur Outer Ring Road (KLORR) atau Jalan Lingkaran Luar Kuala Lumpur serta sejauh manakah daya maju projek tersebut dan apakah rasional pembinaan jalan tol baru dan nyatakan jumlah kos serta kajian trafik.
- (b) Apakah status projek konsesi Lebuh Raya Pantai Barat (West Coast Expressway).

JAWAPAN
Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) mengambil maklum dan telah mengenalpasti isu - isu alam sekitar dari cadangan projek Lebuhraya Lingkaran Luar Kuala Lumpur (KLORR). Pada masa ini kajian terperinci sedang dijalankan oleh Kerajaan terutamanya yang melibatkan isu alam sekitar. Sehubungan dengan itu, untuk pelaksanaan projek ini, pemilihan jajaran lebuhraya akan dipastikan mematuhi segala keperluan teknikal yang ditetapkan dan diteliti secara terperinci serta mengambilkira impak alam sekitar. Pihak konsesi juga telah melantik juruperunding bagi menjalan kajian alam sekitar untuk projek ini.

Pelaksanaan projek ini adalah berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan melalui ‘Japan International Cooperation Agency (JICA) pada Mac 1995 hingga Mac 1996 yang mendapat kepentingan jajaran lebuhraya KLORR diutamakan untuk menghubungkan rangkaian jalanraya/lebuhraya diluar dan dalam kawasan Kuala Lumpur. Kajian trafik terperinci juga telah di buat dan disiapkan pada Mac 2008. Berdasarkan kajian tersebut, jumlah trafik adalah berdaya maju bagi pelaksanaan penswastaan lebuhraya dan kesesakan di MRR II dapat dikurangkan sekiranya terdapat Lebuhraya KLORR (laluan timur) seperti yang dicadangkan. Ini adalah kerana Jalan Lingkaran Luar Tengah 2 (MRR2) di Kuala Lumpur sering mengalami kesesakan (160,000 purata trafik sehari 2009) dan telah melebihi kapasiti rekabentuk.

Jajaran lebuhraya KLORR adalah di kawasan barat dan selatan Kuala Lumpur dimana ianya juga merangkumi lebuhraya Shah Alam-Kuang (Guthrie), Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah (ELITE), Lebuhraya

Lembah Klang Selatan (SKVE) dan sebahagian Lebuhraya Lingkaran Luar Kajang (SILK). Panjang lebuhraya ini adalah sepanjang 34 km. Kos bagi cadangan projek ini masih di peringkat perundingan dan penelitian komprehensif Kerajaan bagi mewujudkan kos yang paling berdaya maju dan ianya adalah berdasarkan kepada faktor pemilihan jajaran, rekabentuk terbaik yang perlu melepassi spesifikasi dan garis panduan geometrik di samping mengambilkira langkah - langkah tebatan alam sekitar.

Tuan Yang Di Pertua, projek Lebuhraya Pantai Barat pula masih diperingkat kajian dan penelitian oleh Kerajaan.

SOALAN NO: 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B TUAN SALLEH BIN KALBI

[SILAM]

TARIKH 17 JUN 2010 (KHAMIS)

SOALAN

minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan memandangkan kawasan Parlimen Silam dan bandar Lahad Datu mempunyai jaringan jalan raya yang terhad dan sempit, adakah Kementerian memberj peruntukan bagi meningkatkan lagi taraf jalan raya yang sedia ada bagi keselesaan pengguna dan meningkatkan ekonomi penduduk kawasan ini.

Tuan Yang Dipertua,

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya prihatin dengan pembangunan jalan raya di kawasan luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak. Untuk tujuan itu, Kementerian Kerja Raya sedang menjalankan Kajian Semula Pembangunan Rangkaian Jalan Raya, Fasa 2 (*Highway Network Development Plan, Phase 2 Review Study*) bagi tujuan memperluaskan jaringan jalan raya di sana disamping memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya dan seterusnya bagi meningkatkan lagi kegiatan ekonomi.

Bagi mencapai maksud tersebut, Kementerian telah mencadangkan Projek Membina Jalan Segama Bypass (*Northern Palm Oil Industrial Cluster Link Road*) dan Projek Membina Jalan Jeroco Fasa 3 yang berada di Lahad Datu, Sabah di dalam permohonan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Kedua-dua cadangan pembinaan jalan ini telah diberi keutamaan tinggi didalam permohonan projek RMKe -10. Walau bagaimanapun permohonan ini masih tertakluk kepada kelulusan Agensi Pusat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Projek Membina Jalan Segama Bypass Fasa 3 ini merupakan pembinaan jalan baru sepanjang 16.9 kilometer, 4 lorong 2 hala (*dual carriageway*) serta membina 3 buah jambatan. Manakala Projek Membina Jalan Jeroco

Fasa 3 melibatkan kerja menaiktaraf jalan gravel sepanjang 26 kilometer ke jalan berturap dengan piawai R3. Pelaksanaan projek ini akan dapat membangunkan industri penanaman kelapa sawit dan

kilang penapisan kelapa sawit di Lahad Datu dan kawasan sekitarnya selaras dengan perancangan *Sabah Development Corridor (SDC)* untuk menjadikan Lahad Datu sebagai Kluster Perindustrian Kelapa Sawit di Negeri Sabah.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA	TUAN AZAN BIN ISMAIL (INDERA MAHKOTA)
PERTANYAAN	LISA N
TARIKH	17.06.2010
SOALAN NO	18

Tuan Azan Bin Ismail (INDERA MAHKOTA) minta MENTERI KEWANGAN

menyatakan langkah-langkah, persediaan dan peranan yang dilakukan oleh pihak Kementerian selaras matlamat Kerajaan untuk melaksanakan cukai GST kepada rakyat Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, di dalam memastikan kelincinan pelaksanaan GST, Kementerian Kewangan telah mengenalpasti tiga (3) kumpulan kritikal yang perlu diberi perhatian iaitu Kerajaan, peniaga dan pengguna. Bagi Kerajaan, terdapat keperluan untuk memastikan agensi pentadbir GST iaitu Jabatan Kastam Diraja Malaysia mempunyai pasukan yang berkemahiran dan kepakaran teknikal. Sehubungan itu, latihan yang secukupnya kepada kakitangan sedang disediakan. Sistem perkomputeran GST juga sedang dibangun dan diuji bagi memastikan kelancaran proses pendaftaran dan pelaksanaan GST.

Pihak peniaga juga perlu dipastikan bersedia dengan perubahan yang perlu dilakukan ke atas proses perniagaan, pembangunan sistem dan latihan kepada kakitangan.

Manakala bagi pengguna, mereka perlu dimaklumkan akan mekanisme dan kebaikan GST serta hak mereka sebagai pengguna. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah antaranya mengadakan sesi taklimat, ceramah, seminar dan bual bicara samada secara bersemuka ataupun melalui program-program di televisyen dan di radio. Sesi-sesi ini adalah dianjurkan sendiri oleh pihak Kerajaan, anjuran oleh persatuan-persatuan perniagaan dan syarikat korporat ataupun anjuran bersama antara Kerajaan dan pihak swasta.

Selain daripada itu, Kerajaan juga sedang di dalam proses untuk melancarkan laman sesawang (*website*) GST, menerbitkan artikel-artikel mengenai GST, dan mengadakan program publisiti di media masa dan menambahkan lagi program penerangan GST terutamanya kepada golongan pelajar-pelajar sekolah, IPTA dan IPTS serta penduduk kampung.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

**DARI PADA Datuk Haji Baharum Bin Mohamed
[Sekijang]**

TARIKH 17 Jun 2010 (Khamis)

SOALAN 29

Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah faktor yang menyebabkan Pelabuhan Darat Segamat Sdn. Bhd. tidak berfungsi dan di tutup.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Terdapat beberapa faktor yang membawa kepada kegagalan Pelabuhan Darat Segamat berfungsi dengan baik dan akhirnya terpaksa ditutup diantaranya ialah:-

- i. pembangunan industri di sekitar Pelabuhan Darat Segamat iaitu Kawasan Industri Johor Technopark tidak berkembang seperti dirancangkan untuk memberi sokongan kepada operasi Pelabuhan Darat Segamat;
- ii. penutupan kilang-kilang perabot akibat kegawatan ekonomi dan perpindahan kebanyakan pengusaha industri perabot dari Daerah Segamat ke Muar menyebabkan jumlah kargo berhampiran Pelabuhan Darat Segamat berkurangan; dan

- iii. naiktaraf jaringan infrastruktur perhubungan darat yang baik memudahkan pergerakan kargo dari Kawasan Segamat ke Pelabuhan Tanjung Pelepas atau ke Pelabuhan Kelang dan liberalisasi lesen *haulage* juga menyukarkan Pelabuhan Darat Segamat menguasai dan mendapatkan kargo atau kontena.

NO. AUM : 32
NO. AUP : 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN WEE CHOO KEONG [WANGS A MAJU]

TARIKH 17 JUN 2010

RUJUKAN 2720

SOALAN:

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan selain daripada merekrut lebih ramai anggota polis, apakah tindakan lain yang diambil oleh Kementerian bagi membendung peningkatan kadar jenayah di negara ini, terutamanya di Wangsa Maju dan bilakah Kementerian bercadang menambah bilangan anggota di Balai Polis Wangsa Maju.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, selain menambah bilangan anggota polis, antara tindakan yang diambil oleh PDRM bagi mengurangkan kadar jenayah adalah seperti berikut:

- (1) Melaksanakan tindakan secara *integrated* di mana semua warga polis di semua jabatan, cawangan dan unit digerakkan dalam usaha memerangi jenayah;**
- (2) Mengenalpasti kawasan-kawasan *hotspot* yang kerap berlaku jenayah dan menjadikan kawasan tersebut sebagai kawasan tumpuan operasi;**
- (3) Menghantar lebih ramai anggota polis bagi membuat kawalan dan rondaan di kawasan-kawasan tumpuan orang ramai;**
- (4) Memperluas dan meningkatkan keberkesanan penggunaan sistem kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan-kawasan tertentu terutamanya kawasan *hotspot* bagi membantu mengesan dan menghalang jenayah.**
- (5) Meningkatkan kerjasama di antara polis dan orang ramai**

melalui program RAKAN COPS bagi membanteras jenayah dengan lebih berkesan; dan

- (6) **Mengadakan kerjasama antara pihak polis dengan agensi-agensi kerajaan yang lain, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan-pertubuhan masyarakat serta pihak swasta untuk sama-sama berusaha membanteras jenayah.**

Tuan Yang Dipertua,

Berkenaan dengan penambahan anggota di Balai Polis Wangsa Maju, pada masa sekarang terdapat seramai 71 orang anggota termasuk pegawai di balai tersebut. PDRM sedang dalam proses menambah keanggotaan di setiap balai polis di seluruh negara termasuklah di Balai Polis Wangsa Maju dalam usaha memerangi jenayah.

NO.AUM : 26

NO.AUP : 3*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN LISA
N**

**DARIPADA DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI
SALLEH [KALABAカン]**

TARIKH 17 JUN 2010

RUJUKAN 2719

SOALAN:

**Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan]
minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan**

**(a) sejauh manakah kejayaan Kementerian dalam usaha membawa
pulang 2 rakyat Malaysia yang diculik dari Pulau Sebangkit,
Sabah; dan**

**(b) apakah Kementerian dapat memberi jaminan bahawa kejadian
seperti ini tidak berulang lagi di masa-masa akan datang.**

JAWAPAN
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kalabakan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a), Kerajaan berusaha untuk membebaskan dua (2) orang rakyat Malaysia yang diculik di Pulau Sebangkit, Sabah. Perundingan sedang dijalankan dengan kumpulan penculik berkenaan dan setakat ini ianya telah menunjukkan tanda-tanda positif.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menjawab soalan (b) pula, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi mencegah kejadian ini agar tidak lagi berulang antaranya:-

- (i) Mempertingkatkan rondaan di kawasan strategik dengan menggunakan aset-aset Pasukan Gerakan Marin secara optimum;
- (ii) Mempertingkatkan pemeriksaan terhadap bot-bot asing dan tempatan yang dicurigai untuk memastikan bot-bot berkenaan tidak disalahgunakan untuk melakukan aktiviti yang menyalahi undang-undang negara;
- (iii) Mempergiatkan pengumpulan maklumat dan risikan oleh Agensi-Agenzi Penguatkuasaan Maritim sebagai langkah pengesanan awal yang dapat mencegah sesuatu kegiatan jenayah maritim;

- (iv) PDRM telah menubuhkan unit elit iaitu Unit Gempur Marin (UNGERIN) yang berperanan untuk mempermudahkan tugas-tugas khas keselamatan perairan dan bertindak sebagai *first responder* dengan izin, secara pantas serta berkesan bagi menangani jenayah atau keganasan samada di daratan dan perairan;
- (v) Melancarkan operasi bersepadu dengan gabungan kepakaran unit-unit dalam PDRM serta agensi-agensi penguatkuasa maritim seperti Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Laut, Jabatan Perikanan dan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia dengan bantuan Unit Udara Polis serta Tentera Udara DiRaja Malaysia melalui Ops Samudera Gagah dan Ops Phimal;
- (vi) Menjalankan hubungan dua hala yang erat dengan negara-negara jiran dalam kerjasama menangani permasalahan di perairan sempadan seperti mengadakan perbincangan isu-isu semasa yang berlaku di sempadan menerusi ASEAN Regional Forum (ARF) mengenai keselamatan maritim;
- (vii) Mengadakan latihan dan operasi bersama dengan agensi-agensi penguatkuasaan maritim negara jiran dalam usaha mempertingkatkan persefahaman dalam membanteras jenayah di laut; dan

(viii) Mempertingkatkan kawalan keselamatan di pulau-pulau sekitar Pantai Timur Sabah dengan mewujudkan pos-pos yang dikawal selama 24 jam oleh Pasukan Gerakan Am (PGA), PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Tuan Yang Dipertua,

Dengan langkah-langkah yang telah diambil itu, saya yakin kegiatan jenayah di laut dapat dibanteras sepenuhnya.

NO.AUM : 25

NO. AUP

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI

[BAGAN SERAI]

TARIKH 17 JUN 2010

RUJUKAN 2718

SOALAN:

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

- (a) berapakah jumlah bilangan banduan yang menjalani Sistem Parol mengikut jantina; dan
- (b) berapakah kos perbelanjaan mengendalikannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. daripada Bagan Serai yang telah mengemukakan pertanyaan.

Sistem Parol mula dilaksanakan pada 28 Julai 2008. Sejak tarikh tersebut sehingga 24 Mei 2010, seramai 1,299 orang banduan telah dibebaskan secara Perintah Parol, iaitu seramai 1,243 banduan lelaki manakala selebihnya 56 orang banduan perempuan.

Statistik perlepasan Orang Yang DiParol (ODP) mengikut pecahan jantina bagi tahun 2008 adalah 189 banduan lelaki dan 10 banduan perempuan. Bagi tahun 2009, statistik perlepasan ODP adalah seramai 684 banduan lelaki dan 38 banduan perempuan. Manakala bagi tahun 2010 iaitu sehingga 24 Mei 2010, statistik perlepasan ODP adalah seramai 370 banduan lelaki dan 8 banduan perempuan.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi kos perbelanjaan pengendalian Sistem Parol dan pemantauan Orang Yang DiParol (ODP), Bahagian Parol, Ibu Pejabat Penjara Malaysia telah mendapat peruntukan sebanyak 34 juta ringgit bagi tahun 2008, iaitu sebanyak 30 juta ringgit di bawah Dasar Baru dan sebanyak 4 juta ringgit di bawah One-Off. Bagi tahun 2009, peruntukan yang diterima adalah sebanyak 30 juta ringgit di bawah Dasar Baru, manakala bagi tahun 2010, peruntukan yang diterima adalah sebanyak 22 juta ringgit di bawah Dasar Sedia Ada.

Peruntukan-peruntukan ini meliputi pembayaran gaji Pegawai- pegawai Parol Negeri dan Daerah, kos sewaan ruang Pejabat Parol Negeri dan Daerah, pembayaran utiliti dan sebagainya. Dimaklumkan bahawa peruntukan ini tidak meliputi pembayaran gaji kepada ODP kerana gaji adalah dibayar oleh majikan ODP masing-masing.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA

Tuan Chong Chieng Jen
[Bandar Kuching]

TARIKH

17 Jun 2010 (Khamis)

SOALAN

22

YB Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah syarikat penerbangan yang berdestinasi ke Sarawak kini. Apakah maklumat terperinci mengenai *route* kapal terbang ke Sarawak dan adakah Kerajaan berniat untuk membuka ruang udara Sarawak kepada lebih banyak syarikat penerbangan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini terdapat 7 syarikat penerbangan yang mengadakan penerbangan ke destinasi-destinasi di Sarawak. Daripada jumlah ini, 3 adalah syarikat penerbangan Malaysia iaitu MAS, AirAsia dan MASwings manakala 4 adalah syarikat penerbangan asing, iaitu Royal Brunei Airlines dari Brunei Darussalam, Silk Air dan Tiger Airways dari Singapura serta Batavia Air dari Indonesia.

Secara keseluruhannya, penerbangan-penerbangan ke Sarawak bertumpu ke 5 destinasi, iaitu Kuching, Bintulu, Sibu, Miri dan Mulu. Terdapat sejumlah 421 kali penerbangan seminggu dari 8 destinasi, di mana 4 adalah destinasi domestik iaitu Kuala Lumpur, Johor Bahru, Pulau Pinang dan Kota Kinabalu dan 4

destinasi antarabangsa iaitu Singapura, Bandar Seri Begawan, Pontianak dan Hong Kong (melalui Kota Kinabalu).

Berhubung persoalan sama ada Kerajaan akan membuka ruang udara Sarawak kepada lebih banyak syarikat penerbangan, isu ini tidak pernah timbul, oleh kerana Kerajaan sentiasa mengambil pendekatan yang liberal dalam hubungan pengangkutan udara dua hala dan juga pelbagai hala dengan Negara-negara asing. Dalam hal ini, semua destinasi tempatan yang mempunyai lapangan terbang antarabangsa, termasuk destinasi-destinasi di Sarawak ditawarkan dalam *route schedule* perjanjian perkhidmatan udara dua hala Malaysia dengan Negara-negara asing.

Selain itu, Kuching dan Miri juga merupakan *designated points* bagi Malaysia dalam aturan langit terbuka di bawah platform Brunei, Indonesia, Malaysia dan Phillipines East Asia Growth Area (BIMP-EAGA) yang membolehkan syarikat-syarikat penerbangan keempat-empat Negara ini mengadakan penerbangan tanpa limitasi operasi.

NO. SOALAN: 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARI PADA
TARIKH**

**LISAN
DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN (KENINGAU)
17 JUN 2010 (KHAMIS)**

SOALAN

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah sebenar penduduk negeri Sabah bagi tahun 1985, 1990, 2000, 2005 dan apakah kadar pertumbuhan penduduk negeri Sabah bagi setiap tahun.

JAWAPAN:

Bilangan penduduk Sabah bagi tahun 1985, 1990, 2000 dan 2005 adalah seperti berikut: tahun 1985: **1.4 juta**, tahun 1990: **1.8 juta**, tahun 2000: **2.6 juta** dan tahun 2005: **2.9 juta**.

Manakala, kadar pertumbuhan penduduk Sabah bagi tahun 1985: **5.4 peratus**, tahun 1990: **4.5 peratus**, tahun 2000: **3.5 peratus** dan tahun 2005: **2.4 peratus**.

SOALAN NO: 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SERI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
DARI PAD A :	DATUK RAIMIE BIN
	UNGGI [TENOM]
TARIKH	17 JUN 2010
SOALAN	

Datuk Raimie bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah terkini Klinik 1 Malaysia serta impak positif kepada masyarakat sejak ia dilancarkan awal tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini terdapat 51 buah Klinik 1 Malaysia diseluruh Malaysia. Tambahan sebuah lagi klinik 1 Malaysia telah diwujudkan di Bukit Beruntung Hulu Selangor dan telahpun beroperasi pada 30 April 2010.

Kebanyakan masyarakat menyambut baik Klinik 1 Malaysia ini. Mereka berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan kerana kedudukan klinik yang berdekatan dengan tempat tinggal dan tempoh menunggu yang singkat. Caj rawatan pada kadar minimum iaitu RM1 sahaja juga menjadikan Klinik 1 Malaysia semakin popular di kalangan masyarakat.

Kekuatan Klinik 1 Malaysia adalah kerana ia mampu menyediakan khidmat yang mudah dicapai bagi kes-kes yang ringan seperti mana tujuan asal penubuhannya. Walaupun terdapat permintaan untuk menempatkan pegawai perubatan di Klinik 1 Malaysia, ia

tidak perlu dilaksanakan kerana khidmat tersebut boleh didapati di Klinik Kesihatan yang berdekatan dan kes-kes tersebut boleh dirujuk ke klinik berkenaan.

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA (BACHOK)**

PERTANYAAN **LISA N**

TARIKH **17.06.2010**

SOALAN NO **26**

Tuan Haji Nasharudin Bin Mat Isa (Bachok) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan justifikasi pemberian lesen perjudian kepada syarikat tertentu sempena kempen Bola Sepak Piala Dunia 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat jua, Kerajaan belum lagi mengeluarkan / memberi lesen kepada Syarikat Ascot Sports Sdn Bhd untuk menjalankan operasi pertaruhan *bookie* di Malaysia .

2. Kerajaan juga belum memuktamadkan perbincangan mengenai syarat-syarat dan terma-terma pelesenan dengan Syarikat Ascot Sports bagi menjalankan operasi pertaruhan *bookie* di Malaysia.
3. Kerajaan masih mendapatkan maklumbalas/ pandangan pelbagai pihak terhadap cadangan perlesenan pertaruhan *bookie* di Malaysia dengan hasrat untuk mengurang dan seterusnya menghapuskan perjudian tanpa lesen di Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN	BAGI JAWAB LISAN
DARI PADA	Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan]
TARIKH	17 Jun 2010 (Khamis)

SOALAN

Datuk Haji Yusoff bin ¹⁰ Haji Mahal [Labuan] minta MENTERI PENGANGKUTAN

menyatakan pendirian Kementerian dalam isu pengangkutan air di mana Hasil Kaji Selidik Oleh Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan mendapati ramai pengguna di WP Labuan tidak puas hati dengan mutu perkhidmatan feri kenderaan Labuan-Menumbok-Labuan.

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman, sepanjang tahun 2009, sejumlah 184,146 orang penumpang menggunakan perkhidmatan feri Menumbok - Labuan dengan 61,861 jumlah kenderaan untuk laluan yang sama.
2. Kajian yang telah dijalankan oleh Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Wilayah Persekutuan Labuan pada Mac 2010 adalah satu kajian soal selidik secara keseluruhan meliputi mutu perkhidmatan pengangkutan darat, perkhidmatan hospital dan perkhidmatan pengangkutan laut. Borang kaji selidik yang digunakan adalah borang kajian am berhubung mutu perkhidmatan yang disediakan kepada para pengguna dan borang berkenaan diedarkan oleh badan NGO di Labuan.

3. Responden kajian ini adalah merangkumi pengguna perkhidmatan feri dan juga responden yang tidak pernah menggunakan perkhidmatan ini turut diambil kira dalam penilaian kajian tersebut. Susulan Kajian tersebut, satu mesyuarat telah diadakan oleh Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Wilayah Persekutuan Labuan dengan agensi-agensi Kerajaan Negeri dan pengusaha feri, dan berkeputusan supaya hasil kajian tersebut adalah tidak tepat dan perlu diperhalusi oleh pihak Jabatan Perangkaan bagi mendapatkan gambaran yang tepat dan kesahihan hasil kajian tersebut.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung perkhidmatan feri kendaraan dan penumpang di antara Labuan - Menumbok - Labuan, Kementerian Pengangkutan difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Sabah pada 2 Jun 2010 telah memutuskan bahawa bermula 22 Jun 2010 perkhidmatan feri di sektor laluan tersebut bukan lagi dikendalikan oleh satu operator sahaja malah ianya akan dibuka kepada pengusaha feri lain yang berkelayakan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**Y.B. TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN
MD TAIB**

TARIKH

17JUN 2010

SOALAN

Minta Perdana Menteri menyatakan apakah benar FELDA telah menggunakan wang KWSP. Berapakah jumlah wang yang telah digunakan dan apakah implikasi kepada pencarum.

JAWAPAN

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN
MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah dimaklumkan bahawa FELDA mempunyai komitmen melaksanakan beberapa projek pembangunan dan pelaburan yang perlu dilaksanakan iaitu Program Tanam Semula, Gedung Makanan Negara (GMN), Projek Perumahan Warga FELDA (PWF) dan pelaburan Syarikat Kumpulan Felda Global Ventures (Felda Global). Kesemua komitmen ini bertujuan meningkatkan pendapatan peneroka, menyediakan kemudahan perumahan mampu milik untuk generasi baru, meningkatkan daya saing dan aktiviti perniagaan

Kumpulan FELDA melalui pelaburan baru dan melaksanakan beberapa tanggungjawab sosial kepada warga peneroka.

Pada 24 Disember 2009, FELDA telah menandatangani perjanjian dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) iaitu ‘Facility Agreement’, ‘Asset Purchase Agreement’ dan ‘Asset Sale Agreement’ bagi pembiayaan Bai’Inah berjumlah RM6,502.4 juta. Daripada jumlah pembiayaan tersebut, RM3,597.60 juta digunakan untuk menampung keperluan FELDA manakala bakinya sebanyak RM2,902.40 juta digunakan untuk Kumpulan FELDA Global.

Sehingga 31 Mei 2010, FELDA telah memperolehi pembiayaan sebanyak RM2,000.00 juta daripada KWSP dengan kadar keuntungan pembiayaan dalam lingkungan 4.9 sehingga 5.02 peratus (%) setahun. Berdasarkan tempoh dan kaedah bayaran kembali yang telah dikenakan oleh KWSP kepada FELDA bagi pembiayaan RM2,000.00 juta, jumlah keuntungan yang akan dijana oleh KWSP sepanjang tempoh pembiayaan tersebut adalah sebanyak RM704.16 juta. Baki pembiayaan yang masih belum digunakan adalah sebanyak RM4,500.00 juta.

Dividen KWSP bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 adalah sebanyak 5.65 % setahun berbanding 4.5% pada tahun 2008. Sebahagian tambahan dividen KWSP ini tentunya secara langsung ada kaitan dengan keuntungan memberi pinjaman kepada FELDA.

CX)0000000000000000

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI
LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

SOALAN NO. 29

PERTANYAAN

LISAN

DARI PADA : **DATO'SERI TIONG KING SING**

[BINTULU]

TARIKH

17 Jun 2010

SOALAN

Dato' Seri Tiong King Sing minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan;

- a) Apakah faktor yang menyebabkan peningkatan kes demam denggi baru- baru ini; dan
- b) Apakah langkah-langkah drastik yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengawal kes demam denggi dan bagaimana dengan perlaksanaanya.

Tuan Yang Dipertua,

Saya ingin menjelaskan, sebenarnya tren kejadian kes denggi telah menunjukkan penurunan sejak dari tahun 2009. Pada tahun 2009 terdapat 41,486 kes demam denggi yang dilaporkan iaitu penurunan sebanyak 16% berbanding dengan 49,335 kes dalam tahun 2008. Tren penurunan kes demam denggi berterusan pada tahun ini dimana sehingga 29 Mei 2010, terdapat sebanyak 19,604 kes demam denggi yang dilaporkan, penurunan sebanyak 10% berbanding dengan 21,707 kes dalam tempoh yang sama tahun 2009.

Walaupun pada keseluruhan kes denggi sudah menunjukkan tren yang menurun namun Kementerian Kesihatan masih tidak berpuas hati kerana bilangan kes yang dilaporkan masih tinggi. Oleh itu, Kementerian Kesihatan telah dan akan terus melaksanakan pelbagai usaha sebagai tindakan meningkatkan aktiviti kawalan dan memerangi denggi diseluruh Negara dengan langkah-langkah seperti berikut iaitu:

1. Melaksanakan Pelan Strategik Kawalan Denggi Kebangsaan yang bermula April 2009 bagi tujuan memperkuuh dan mempertingkatkan aktiviti kawalan denggi, dengan

matlamat mengurangkan bilangan kes sebanyak 10% setiap tahun. Pelaksannya telah menunjukkan kesan positif di mana seperti yang dimaklumkan tadi.

2. Meningkatkan kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan dalam aktiviti kawalan Demam Denggi di mana sehingga bulan 22 Mei 2010, sebanyak 10,726,239 premis telah di sembur kabus (*fogging*) sementara 333,079 premis di bubuh racun pembunuhan jentik-jentik di seluruh Malaysia. Di samping itu, kerajaan telah mengedarkan racun pembunuhan jentik-jentik secara percuma kepada orang ramai untuk mengawal pembiasaan Aedes di sekitar rumah mereka.
3. Penguatkuasaan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Pindaan 2000) dipertingkatkan terhadap premis yang mempunyai pembiasaan Aedes, di mana pada tahun 2010 sehingga bulan Mac, sebanyak 876,902 premis telah diperiksa dan 14,218 daripadanya mempunyai pembiasaan Aedes. Sejumlah 5,240 daripada premis ini telah dikenakan kompaun dengan nilai berjumlah RM 941,860 dan 112 daripada 280 kes yang telah dirujuk ke mahkamah telah dikenakan denda bernilai RM 25,700.
5. Kementerian Kesihatan akan meneruskan *Kempen 10 Minit* dan *Kempen Media* dengan tujuan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bahaya nya demam denggi dan menggalakkan penglibatan mereka dalam aktiviti pencegahan dan

kawalan denggi dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit seminggu, untuk menghapuskan tempat pembiakan Aedes. Kempen media ini melibat promosi kesihatan mengenai denggi yang dijalankan melalui TV, radia dan akhbar. Pada tahun 2009, sejumlah RM 12 juta telah dibelanjakan bagi melaksanakan Kempen Media dan kempen ini akan diteruskan pada tahun ini (2010) dengan peruntukan 4.9 juta. Melalui kempen-kempen ini, masyarakat juga di ingatkan untuk melaksanakan aktiviti gotong-royong bagi kawasan yang mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi atau tidak bersih, khususnya di kawasan-kawasan panas (*hot spots*) dimana wabak telah berlarutan lebih . daripada sebulan. Masyarakat memainkan peranan penting bagi menghapuskan tempat-tempat pembiakan Aedes terutama disekitar kediaman mereka.

6. Kerajaan juga berusaha meningkatkan penglibatan ketua masyarakat dan masyarakat setempat dalam melaksanakan aktiviti pengurangan sumber pembiakan nyamuk (*source reduction*) melalui pelaksanaan Program COMBI (*Communication for Behavioural Impact*) dan aktiviti gotong-royong atau aktiviti yang serupa dengannya. Sehingga kini, terdapat 661 bilangan lokaliti yang bermasalah denggi telah melaksanakan Program COMBI dengan penyertaan seramai 16,563 sukarelawan dan lebih memberansangkan 62% daripada lokaliti ini berjaya menghalang kejadian atau peningkatan kes denggi di kawasan masing-masing.

Seperti yang kita sedia maklum, aktiviti pencegahan adalah amat penting bagi mengawal penularan penyakit demam denggi. Oleh itu, amalan masyarakat untuk memeriksa dan menghapuskan tempat pembiakan Aedes sekurang-kurangnya 10 minit seminggu akan dapat mencegah penyakit demam denggi dan kematian akibatnya. Sokongan dan penglibatan ketua masyarakat serta agensi lain dalam melaksanakan program aktiviti pencegahan denggi amat diperlukan. Peranan proaktif penglibatan ahli Jemaah Menteri dan ahli Parlimen dalam aktiviti pencegahan dan kawalan denggi akan memperkuatkan program pencegahan denggi diseluruh negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA : Tuan Muhammad bin Husain [Pasir
PERTANYAAN Puteh]

TARIKH 17 Jun 2010 (Khamis)

SOALAN [No. 30]

Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan** jenis pampasan atau imbuhan kepada penanam tembakau yang berstatus penanam-pengawet yang telah terpaksa menghentikan aktiviti perusahaan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan langkah mengurangkan penanaman tembakau di negara ini secara berperingkat. Kuota pengeluaran tembakau telah dikurangkan daripada 15.1 juta kilogram pada tahun 2002 kepada 4.15 juta kilogram pada tahun

2010. Pengurangan ini adalah disebabkan oleh jumlah permintaan daun tembakau tempatan oleh pengilang-pengilang rokok yang berkurangan akibat:

- i) pelaksanaan sepenuhnya Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN atau
ASEAN Free Trade Area mulai 1 Januari 2010 telah mengurangkan kadar duti import ke atas tembakau dan produk tembakau kepada 5 peratus sahaja. Ini membolehkan syarikat pengilang rokok tempatan mengimport tembakau dari negara-negara ASEAN seperti Indonesia dan Filipina pada harga yang lebih rendah ; dan
- ii) komitmen Kerajaan terhadap *Framework Convention on Tobacco Control* di bawah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) berhubung kawalan penggunaan hasil tembakau.

Dasar liberalisasi import berkenaan telah menyebabkan bilangan penanam tembakau yang diperlukan juga berkurangan.

Kerajaan melalui Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) telah memberi bantuan bagi golongan yang terlibat mencebur aktifiti tanaman integrasi, termasuk secara fertigasi, sebagai punca pendapatan baru.

Kerajaan telah memberi bantuan sebanyak RM5.000 bagi setiap penanam-pengawet terlibat memulakan tanaman integrasi. Sehingga kini, seramai 3,051 penanam pengawet telah mendapat bantuan berjumlah RM15.3 juta. Pendapatan daripada aktifiti tanaman integrasi adalah bergantung kepada jenis tanaman. Bagi tanaman jagung, pendapatan purata sebulan adalah sebanyak RM705; tanaman tembikai sebanyak RM730 dan tanaman pisang sebanyak RM1,860.

Manakala bagi Projek Tanaman Integrasi Secara Sistem Fertigasi, Kerajaan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua telah memperuntukan sebanyak RM10 juta (RM5,013,400 untuk 2009 dan RM4,986,600 untuk 2010) bagi membiayai projek tersebut. Projek ini akan memberi manfaat kepada 607 peserta di Pahang, Terengganu, Kelantan, Perlis, Kedah, Negeri Sembilan dan Melaka.

NO: 31

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA	DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED (PULAI)
PERTANYAAN	LISA N
TARIKH	17.06.2010
SOALAN NO	31

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) minta **Menteri Kewangan** menyatakan jumlah gaji, elaun dan bonus yang diperolehi oleh Ahli Lembaga Pengarah Khazanah Nasional. Sila nyatakan juga jumlah gaji, elaun dan bonus yang sama yang diperolehi oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Timbalan dan Naib Presiden dalam pengurusan Khazanah sejak tahun 2004.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Program Transformasi GLC yang bermula pada Mei 2004, Kerajaan, melalui Jawatankuasa Putrajaya bagi Prestasi Tinggi GLC (PCG) menggalakkan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) untuk mengkaji semula aspek ganjaran bagi menarik minat serta mengekalkan bakat-bakat yang sesuai, dan pada masa yang sama memastikan kelestarian operasi GLC. Berdasarkan ketetapan yang terkandung dalam Buku Biru (berkaitan Peningkatan Pengurusan Prestasi), PCG telah menetapkan garis panduan berikut bagi membantu GLC menentukan rangka kerja ganjaran yang sesuai. Garis panduan ini turut diguna pakai oleh Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) dan syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) yang lain:

- i) **Memastikan paras gaji asas (base salary) tetap kompetitif**

berbanding pasaran

NO: 31

Secara amnya, gaji asas pengurusan atasan GLC harus ditetapkan pada kadar tidak melebihi 50 persentil (*50th percentile*) gaji asas purata syarikat-syarikat swasta setaraf. Walau bagaimanapun, Lembaga Pengarah diberi kelonggaran untuk menetapkan gaji asas yang lebih tinggi untuk bakat-bakat utama (*top talent*) yang diperlukan oleh syarikat.

ii) Memastikan kenaikan gaji asas mencerminkan prestasi individu dan syarikat serta kemampuan syarikat

Memastikan setiap kenaikan pada gaji asas mencerminkan prestasi yang diberikan kepada setiap individu, menggambarkan prestasi keseluruhan syarikat serta menyatakan dengan jelas julat prestasi golongan yang cemerlang dan kurang cemerlang.

iii) Menyandarkan bonus dan jumlah ganjaran kepada prestasi individu dan syarikat

Nilai ambang (*threshold*) prestasi yang minimum harus ditetapkan dan dinilai atas KPI yang dicapai oleh kedua-dua individu dan syarikat, sebelum seseorang kakitangan layak untuk diberi bonus prestasi ataupun kenaikan gaji.

iv) Memastikan keseluruhan ganjaran adalah kompetitif di pasaran

Lembaga Pengarah harus menetapkan tahap bonus prestasi dan keseluruhan ganjaran berdasarkan kepada prestasi GLC serta hasratnya untuk menarik bakat. Dalam menetapkan tanda aras bonus prestasi dan ganjaran, Lembaga Pengarah boleh menggunakan syarikat swasta setaraf di peringkat tempatan atau antarabangsa sebagai perbandingan bagi memastikan GLC terus kompetitif.

v) Penggunaan wang tunai sebagai ganjaran/insentif

Wang tunai atau gandingan wang tunai dan saham boleh digunakan sebagai incentif jangka pendek. Kemampuan GLC untuk memberi ganjaran harus diambil kira dalam sistem

pengiraan ganjaran dan pembayaran ganjaran pula harus mengambil kira prestasi jangka masa pendek dan panjang. Kesemua bonus prestasi harus daripada sumber dana dalaman.

vi) **Penggunaan saham sebagai ganjaran/insentif**

Sekiranya GLC berkemampuan untuk melakukannya, insentif jangka masa panjang boleh berdasarkan kepada saham (opsyen saham atau pelbagai jenis instrumen saham).

2. Selain daripada berdasarkan kepada peraturan tersebut di atas, ganjaran Lembaga Pengarah (fi dan elaun) serta Pengurusan Khazanah (gaji, bonus serta emolumen lain) diluluskan oleh Lembaga Pengarah Khazanah yang dipengerusikan YAB Perdana Menteri dan turut dianggotai Menteri Kewangan II. YB

3. Khazanah turut melaporkan jumlah keseluruhan ganjaran kakitangannya dalam Akaun Tahunan yang dihantar kepada Suruhanjaya Syarikat setiap tahun seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Syarikat 1967. Bagaimanapun, bagi ganjaran individu secara spesifik, syarikat perlu mematuhi perjanjian sulit yang telah dipersetujui antara kakitangan dan syarikat dalam syarat-syarat perkhidmatan.

NO. SOALAN: 3d

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS (2010)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA **Y.B. TUANZULKIFLI BIN NORDIN** **(KULIM
BANDAR BARU)**

TARIKH 17 JUN 2010

SOALAN

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta Menteri Perdana menyatakan:-

- (a) Apakah rasional penubuhan Syarikat Al-Hijrah Corporation (872710-D) dan berikan butir pemegang lembaga pengarah, pegawai pengurusan dan editorial dan,

(b) Apakah matlamat dan skop TV Hijrah ini dan apakah jawatan "Honorary Advisor" diwujudkan dan mengapa Timbalan Menteri dilantik ke jawatan tersebut.

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR
BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

a. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, AL HIJRAH MEDIA CORPORATION ditubuhkan untuk merialisasi serta mengurus dan mentadbir sebuah stesen Televisyen siaran percuma berkonsepkan Islam pertama dinegara ini yang dikenali dengan TV ALHIJRAH. Ia adalah sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan (*Public Company Limited By Guarantee*) yang tiada pemegang saham. AL HIJRAH MEDIA CORPORATION mempunyai keahlian yang dibenarkan sehingga 1,000 orang mengambil contoh struktur penubuhan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Mengenai lembaga pengarah, pegawai pengurusan dan editorial syarikat, dimaklumkan bahawa Y.B. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (hal ehwal Islam) adalah Penaung AL HIJRAH MEDIA CORPORATION dan Pengerusinya ialah Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Mohd Yusof bin Hj Mohd Noor. Ahli-ahli Lembaga Pengarahnya pula terdiri daripada Tuan Haji Mohd Shakri bin Abd Razak, Dato' Dr Ismail bin Ibrahim, Dato' Haji Mohamad bin S. Ahmad dan Dato' Hj Shahlan bin Ismail. Ketua Pegawai Eksekutifnya ialah Tuan Haji Bukhari bin Che Muda dan setakat ini beliau dibafit oleh Pengurus Besar Pengurusan Kandungan dan Jenama, Tuan Haji Wan Alias Abdullah, Pengurus Besar Penerbitan Kandungan Encik Zainal Rashid bin Ahmad dan Pengurus Besar Kejuruteraan dan I.T.-Encik Ridzuan bin Yahya.

b. Penubuhan saluran TV Islam telah diumumkan secara rasmi oleh YAB

Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, Pardana Menteri, di Mesyuarat Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam Malaysia (MKI) ke 49, pada 19 Jun 2009 dengan menyebut nama TV JAKIM yang kemudiannya dikenali dengan nama TV ALHIJRAH. Antara objektif dan matlamat penubuhannya ialah untuk mewujudkan sebuah stesen televisyen pendidikan tidak formal yang berupaya menyediakan waktu siaran secukupnya bagi program-program berunsur Islam. Stesen ini nanti diharap berupaya mendidik masyarakat mengenali Islam sebenar yang indah, cantik, menarik dan menganjurkan kesederhanaan serta satu cara hidup yang mementingkan perpaduan sejagat. Penubuhan TV ALHIJRAH juga bertujuan untuk melahirkan masyarakat beriman dan berilmu. Ia juga diharap akan dapat menangkis propoganda buruk terhadap Islam di samping dapat membentuk masyarakat mengenali ajaran sesat, tahayul dan khurafat.

Berhubung dengan jawatan “*Honorary Advisor*”, dimaklumkan bahawa Al Hijrah Media Corporation mengambil contoh struktur Institut Kefahaman Islam (IKIM) dalam penubuhannya. Saperti mana Institut tersebut, Al Hijrah- Media Corporation juga tidak mempunyai **Penasihat Kehormat (*Honorary Advisor*)**.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAA	LISAN
N DARIPADA	YB Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib
:	[Maran]
TARIKH	17 Jun 2010

SOALAN

Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sasaran Kerajaan melaksanakan DEB sebelum ini masih gagal untuk mencapai matlamat ekuiti 30 peratus milik Bumiputera. Mengikut statistik, berapakah jumlah sektor hartanah sebenar yang dimiliki oleh kaum Bumiputera berbanding dengan bukan Bumiputera dan apakah langkah pasti Kerajaan untuk merapatkan jurang pemilikan ini.

JAWAPAN:

Dalam menilai kejayaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), kemajuan ketara telah dicapai dalam usaha merealisasikan matlamat asal yang ditetapkan di mana kemiskinan keseluruhan telah berkurangan dengan ketara daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 3.8% pada tahun 2009. Sejajar dengan itu, ketidakseimbangan ekonomi antara etnik telah berkurangan dengan ketara di mana peningkatan pemilikan korporat Bumiputera telah berlaku dari 2.4 peratus dalam tahun 1970 kepada 21.9 peratus pada tahun 2008 dari segi hak milik modal saham.

Mengikut statistik 2007, jumlah sektor hartanah yang dimiliki oleh kaum Bumiputera berbanding dengan bukan Bumiputera dari segi pemilikan bangunan komersial dan premis termasuk kompleks perniagaan, premis industri, hotel serta

bangunan-bangunan lain ialah sebanyak 15 peratus sementara kaum Cina sebanyak 76.1 peratus, India 3.8 peratus dan lain-lain 5.1 peratus.

Bagi merapatkan jurang perbezaan pemilikan tersebut, seperti yang telah dinyatakan dalam RMKe-10, Kerajaan akan terus memastikan strategi dan instrumen yang digunakan akan diperkuatkan ke arah mewujudkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi secara lebih meluas, bermakna dan mampan. Pendekatan pelaburan melalui institusi akan diperluas melangkaui ekuiti sektor korporat, meliputi kategorikekayaan lain seperti harta tanah yang merangkumi aset perniagaan seperti ruang niaga, harta harta tanah, bangunan komersial, harta intelek dan perkhidmatan lain. Dalam tempoh RMKeO, Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS) akan menerima peruntukan sebanyak RM4.5 bilion daripada Kerajaan serta mendapat dana tambahan daripada sektor swasta untuk melabur dalam syarikat di tahap pertumbuhan.

Dalam bidang pelaburan harta tanah, Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera akan menubuhkan Tabung Pelaburan Amanah Hartanah atau *Real Estate Investment Trusts (REIT)* untuk membolehkan Bumiputera melabur dalam sektor harta tanah komersial dan industri serta mendapat faedah dari peningkatan nilai harta tanah tersebut. Inisiatif juga akan diambil untuk memperkuatkan keupayaan pelaburan institusi seperti Baitulmal dan mempertingkatkan nilai aset mereka termasuk pembangunan harta tanah untuk tujuan komersial. Kerajaan juga akan menubuhkan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu untuk bekerjasama dengan penduduk Kampong Bharu bagi membangunkan satu model perniagaan yang mana hasil daripada pembangunan semula tanah tersebut akan dikongsi secara saksama.

No:

JAWAPAN LISAN

TUAN TAN LEE BENG (NIBONG

TEBAL)

17 JUN 2010

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

**DEWAN RAKYAT PERTANYAAN DARIPADA TARIKH
SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapakah PUSPAKOM di Pulau Pinang telah menghalang 'runner' yang berdaftar untuk masuk ke premis PUSPAKOM bagi pihak klien mereka untuk pemeriksaan kenderaan sejak 8 Mac 2008. Selepas 20 tahun beroperasi, ramai yang telah membuat bantahan mereka tidak dibenarkan masuk kerana ada pegawai memaklumkan yang mereka adalah penyokong kepada parti tertentu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PUSPAKOM tidak menghalang khidmat ejen atau 'runner' untuk melakukan pemeriksaan kenderaan bagi pihak pelanggan mereka, termasuklah juga di cawangan PUSPAKOM Pulau Pinang. Bermula Mac 2009, PUSPAKOM menetapkan peraturan '1 Kenderaan, 1 Pemandu, 1

Dokumen'bagi tempoh setiap pemeriksaan. Ini bererti setiap pelanggan, sama ada *runner* atau sebaliknya dibenarkan membuat pemeriksaan seterusnya dengan syarat mereka perlu menyempurnakan pemeriksaan terdahulu. PUSPAKOM tidak membenarkan seseorang pelanggan mendaftarkan permohonan pemeriksaan kenderaan terlalu banyak dalam suatu

tempoh tertentu bagi mengelakkan pelanggan-pelahggan lain menunggu terlalu lama. Oleh itu, peraturan yang ditetapkan oleh PUSPAKOM adalah bertujuan

untuk memastikan pemeriksaan kenderaan-kenderaan dapat dijalankan dengan lancar, berkesan serta mesra pelanggan.

Tuan Yang Dipertua,

Dakwaan yang menyatakan terdapat penyokong kepada parti tertentu tidak dibenarkan masuk ke cawangan PUSPAKOM adalah tidak benar kerana PUSPAKOM selaku entiti perniagaan mengalu-alukan kehadiran para pelanggan ke setiap cawangannya tanpa sebarang unsur diskriminasi. Menurut siasatan JPJ, larangan pemeriksaan kenderaan terhadap mana-mana penyokong kepada parti tertentu tidak pernah berlaku di PUSPAKOM.

SOALAN NO: Ir

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB [LANGKAWI]
TARIKH	17 JUN 2010 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [Langkawi] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan:-

- (a) berapa banyakkah syarikat Bumiputera yang mendapat kontrak pemasangan kabel optik di bawah Program Jadual Kerja Harian (JKH); dan

(b) berapa ramaikah yang berjaya dan berapa ramaikah yang gulung tikar. Nyatakan sebab-sebab kejayaan dan kegagalan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga bulan Mei 2010, sebanyak 104 kontraktor Jadual Kerja Harian (JKH) telah berdaftar dengan Telekom Malaysia (TM). Sebanyak 77 buah syarikat adalah kontraktor sedia ada manakala 27 buah syarikat lagi merupakan kontraktor lantikan baru pada 2009/2010.

Sepanjang tempoh 2008 hingga 2010, sebanyak 6 kontraktor telah digugurkan dari kategori ini kerana kegagalan kontraktor terbabit untuk mematuhi terma dan syarat yang telah ditetapkan di dalam kontrak.

Bagi 77 kontraktor terdahulu, semua syarikat ini dikategorikan sebagai berjaya kerana mampu bertahan, bersaing dan telah menjalankan kerja dengan tahap yang memuaskan. Faktor kejayaan syarikat- syarikat ini adalah antaranya disebabkan kadar harga yang menarik dan pemberian kerja yang konsisten mengikut nilai kontrak yang ditawarkan di samping kepakaran dan pengalaman yang dimiliki.

SOALAN NO. 36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAPAN
LISAN**

**DARIPADA : YBPUAN SITI ZAILAHBINT1 MOHD. YUSOFF
(PAS) (RANTAU PANJANG)**

TARIKH 17 JUN 2010 (KHAMIS)

SOALAN

YB Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (PAS) [Rantau Panjang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tentang fenomena meningkatnya masalah sosial serta anak luar nikah di Malaysia, apa penyelesaiannya serta masalah lewat kahwin yang semakin ketara sekarang ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius akan peningkatan masalah sosial yang berlaku di negara ini terutamanya keskes anak luar nikah. Gejala ini merupakan satu masalah sosial yang memerlukan perhatian bukan sahaja Kementerian ini tetapi juga segenap lapisan masyarakat.

Dalam menangani masalah sosial termasuk anak luar nikah, KPWKM mengamalkan pendekatan sinergi multi sektor. Program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian serta secara kerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan jentera Kementerian di peringkat akar umbi seperti Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kawasan Parlimen (MAYANG), jentera penggerak di peringkat Dewan Undangan Negeri (NADI) dan Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK) adalah untuk memperkasakan anggota masyarakat,

memperkuuh dan membangunkan sistem sokongan sosial dan perkhidmatan sosial yang dapat sama-sama membantu menangani masalah sosial ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian ini termasuklah:-

- i. Menyediakan perkhidmatan kaunseling di peringkat negeri dan daerah untuk memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada mereka yang terdedah kepada bahaya moral;
- ii. Melaksanakan bengkel interaktif melibatkan keluarga dan kanak-kanak bagi meningkatkan kesedaran mereka tentang tanggungjawab dan peranan terhadap penjagaan kanak-kanak selaras dengan keperluan Akta Kanak-kanak 2001;
- iii. Melaksanakan program pencegahan melalui penglibatan ahli masyarakat setempat dalam organisasi akar umbi melalui Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat Daerah (JKKD);
- iv. Menganjurkan kursus keibubapaan seperti SmartStart dan Modul kasih. Selain daripada itu, program Parenting @work juga telah diperkenalkan di mana pihak Kementerian mengambil pendekatan untuk memberikan kursus ini di tempat kerja memandangkan kesukaran untuk mendapatkan ibu bapa menghadiri kursus di luar pejabat atas faktor kesibukan serta komitmen terhadap keluarga;
- v. Mewujudkan pusat remaja Kafe@TEEN yang menyediakan khidmat kaunseling dan kesihatan bagi membantu remaja mengatasi masalah fizikal, mental dan sosial remaja;
- vi. Menubuhkan tiga belas (13), dengan izin, '*one stop family centre*' di

- seluruh negara untuk memperkasakan keluarga daripada perspektif, dengan izin, ‘*community empowerment*’. Program yang disediakan oleh pusat ini termasuklah program keibubapaan di komuniti yang mampu memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya keluarga dalam kehidupan; dan
- vii. melaksanakan Pendidikan Kesihatan Reprouktif dan Sosial bagi meningkatkan kefahaman dalam aspek seksualiti, pembentukan nilai kendiri dan perhubungan kekeluargaan antara gender terhadap pihak-pihak tertentu seperti institusi kebajikan, institusi pendidikan dan badan-badan bukan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan isu kahwin lewat, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan seseorang itu masih belum berkahwin. Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Ke- 4 (KPKM-4) yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada tahun 2004 mendapati bahawa masalah kewangan dan tiada calon yang bersesuaian adalah merupakan dua faktor utama yang dinyatakan oleh responden. Di kalangan responden wanita, tiada calon yang sesuai merupakan faktor utama mereka belum berkahwin iaitu sebanyak empat puluh peratus (40%) dan diikuti oleh masalah kewangan sebanyak empat belas peratus (14%). Bagi **responden** lelaki pula, masalah **kewangan merupakan faktor utama mereka** masih belum berkahwin iaitu sebanyak empat puluh lima peratus (45%) dan diikuti oleh masalah tiada calon yang sesuai sebanyak dua puluh peratus (20%).

Tuan Yang di-Pertua,

Memandangkan *trend* kahwin lewat yang semakin meningkat ini boleh memberi

implikasi kepada institusi keluarga khususnya saiz keluarga berikutan kesuburan wanita yang pendek untuk mendapatkan anak serta masalah kesihatan reproduktif suami dan isteri, KPWKM akan memperkenalkan program-program yang bersesuaian bagi menangani masalah ini melalui Pelan Tindakan Dasar Keluarga Negara yang sedang digubal.

NO. SOALAN: 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAA	LISAN
N DARIPADA	YB Datuk Halimah Binti Mohd Sadique
:	[Tenggara]
TARIKH	17 Jun 2010

SOALAN

Datuk Halimah Binti Mohd Sadique [Tenggara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan nilai pelaburan harta tanah yang dimiliki warga asing di Iskandar Malaysia sehingga kini. Adakah pemansuhan FIC memberikan kesan terhadap pemilikan harta tanah di situ dan sejauh manakah wujud garis panduan pemilikan harta tanah asing bagi melindungi kepentingan ekuiti tempatan khususnya Bumiputera.

JAWAPAN:

Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) telah menerima pelaburan komited daripada syarikat dalam dan luar negara di Iskandar Malaysia berjumlah **RM52.76 bilion**. Jumlah ini melibatkan sebanyak **532** syarikat dalam dan luar negara sehingga bulan **Februari 2010**. Pecahan pelaburan adalah **RM25.87 bilion** melibatkan **160** syarikat dalam negara manakala **RM26.89 bilion** melibatkan **372** syarikat luar negara. Pelaburan tersebut melibatkan pelbagai sektor utama iaitu pengilangan, harta tanah, perkhidmatan dan lain-lain. Pelaburan harta tanah dari luar adalah berjumlah **RM6.19 bilion**. Daripada jumlah **RM6.19 billion** ini, terdapat sebahagianya yang dibangunkan bagi tujuan dijual semula kepada penduduk tempatan.

Iskandar Malaysia (IM) meliputi lima kawasan Pihak Berkuasa Tempatan yang mempunyai kepelbagaian aktiviti ekonomi khususnya dari segi penggunaan

tanah. Keadaan ini mempengaruhi nilai harta tanah di sesuatu kawasan di IM secara keseluruhannya. Sehingga kini dianggarkan sebanyak 2,300 transaksi harta tanah oleh kepentingan asing diluluskan khasnya bagi jenis kediaman dan tanah perindustrian di IM khasnya di kawasan Johor Bahru dan Kulai.

Pembubaran Jawatankuasa Pelaburan Asing (*Foreign Investment Committee - FIC*) dan pemansuhan Garis Panduannya pada 30 Jun 2009 telah memberi kesan yang positif kepada pelaburan di kawasan IM, khususnya di kawasan Medini di mana liberalisasi yang menyeluruh sehingga ke tahap 100 peratus penyertaan ekuiti asing untuk pemilikan harta tanah telah ditawarkan. Kelonggaran ini telah memberi sumbangan positif kepada IM dalam menarik penyertaan pelaburan asing.

Walau bagaimanapun, bagi melindungi kepentingan tempatan khususnya Bumiputera, Garis Panduan Perolehan Hartanah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, telah diperkenalkan selepas *FIC* dibubarkan. Garis Panduan ini bertujuan untuk mengawal sebarang aktiviti jualbeli harta tanah bernilai RM20 juta dan ke atas yang akan mengakibatkan pengurangan pemilikan harta tanah kepentingan Bumiputera dan/atau agensi Kerajaan, samada secara langsung ataupun tidak langsung. Syarat mengadakan sekurang-kurangnya 30 peratus pegangan Bumiputera akan dikenakan kepada syarikat pembeli, bagi perolehan secara langsung, dan ke atas syarikat sasaran bagi perolehan secara tidak langsung, terhadap kes perolehan harta tanah bernilai RM20 juta dan ke atas yang akan mengakibatkan pengurangan pemilikan harta tanah kepentingan Bumiputera dan/atau agensi Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI
LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]**

TARIKH

17 JUN 2010

SOALAN TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status Skim Insurans Kesihatan Awam yang masih belum dilaksanakan sehingga kini. Apakah jaminan Kementerian untuk memastikan rakyat miskin serta terpinggir mendapat perkhidmatan terbaik sekiranya skim ini dilaksanakan sepenuhnya kelak.

Tuan Yang di-Pertua,

Mekanisme pembiayaan kesihatan yang bersesuaian untuk negara seperti kombinasi Skim Insurans Kesihatan Nasional dan cukai am (*general taxation*) bagi memberi liputan perlindungan yang menyeluruh untuk semua golongan masyarakat, masih dalam peringkat perbincangan dan penelitian rapi. Penelitian rapi mengambil masa sekian lama untuk memastikan supaya skim pembiayaan yang wujud mampu melindungi rakyat lebih-lebih lagi yang miskin dan terpinggir daripada risiko pembiayaan yang membebankan (*financial protection from catastrophic expenditure*) dan adalah *sustainable*. Skim pembiayaan kesihatan akan digabungkan dengan penstruktur semula sistem kesihatan negara supaya lebih berkesan dan menambahkan faedah kepada rakyat dari segi peningkatan tahap kesihatan (*improved health*), kualiti, *responsiveness* dan kepuasan pelanggan.

Perancangan terperinci penstruktur semula sistem penyampaian dan pembiayaan kesihatan dibuat supaya jalankerja menyeluruh (*comprehensive blueprint for implementation*) dapat disediakan. Perancangan ini dibuat dengan mengambil kira maklumbalas rakyat dan pelbagai pihak yang berkepentingan (*stakeholders*). Seterusnya dengan persetujuan kerajaan dan orangramai, perlaksanaan secara berfasa boleh

Soalan No : 39

dijalankan dalam RMK10 dan RMK11. Sistem kesihatan negara yang diperbincangkan akan mengintegrasikan perkhidmatan penjagaan dari sektor awam dan swasta, supaya rakyat mendapat kecapaian perkhidmatan yang bermutu tinggi. Ianya juga akan membawa sistem kesihatan Malaysia ke arah penyampaian dan pembiayaan kesihatan yang setaraf dengan negara maju selaras dengan usaha murni kerajaan untuk melonjakkan Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA **Y.B. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI**
 (LEDANG)

TARIKH 17.06.2010

SOALAN:

Y.B. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [LEDANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan tentang saranan dan desakan pro dan kontra beberapa pihak terhadap pendidikan seks dan apakah Kementerian bersedia untuk lebih menjurus kepada pendidikan munakahat (nikah kahwin) yang lebih relevan dan sesuai dengan kehendak ajaran Islam dan mendapat reaksi positif ramai orang bukan Islam.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua.

Mata pelajaran Pendidikan Islam pada peringkat menengah digubal bagi merrrenxihnceperlcran crntcrk **membeTrkan pendtdTkan Islanryang^tengkapv** menyeluruh dan bersepada kepada murid-murid sekolah. Kurikulum ini

merangkumi keseluruhan aspek kehidupan dan amalan bagi seorang muslim sejati.

Pendidikan Islam ini menekankan kepada kehidupan bermasyarakat dalam semua aspek khususnya dalam aspek sosial yang melibatkan bab perkahwinan (munakahat). Tajuk perkahwinan dalam Pendidikan Islam sebenarnya telah memberi penekanan semua aspek kehidupan bermasyarakat bermula dengan memilih calon isteri sehingga tanggungjawab sebagai suami isteri.

Penekanan secara khusus tentang aspek perkahwinan dalam Islam ini memberikan impak yang besar kepada murid-murid tentang perkara berkaitan kehidupan bersosial yang dilarang dan dibenarkan dalam agama dan masyarakat.

Selain disentuh secara khusus dalam bab perkahwinan aspek bersosial dalam Islam disentuh juga dalam bidang-bidang lain umpamanya bidang Akhlak, Ibadat, Aqidah dan Ayat Kefahaman. Penekanan secara khusus dalam bidang perkahwinan ini adalah relevan dan memenuhi kehendak semasa murid yang akan menjadi anggota masyarakat pada masa hadapan.

No:jp*4^0

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA **Puan Hajah Fuziah binti Salleh (Kuantan)**

TARIKH **17 Jun 2010**

SOALAN **35**

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan memandangkan kemalangan bas ekspress adalah begitu kerap dan serius, bilakah sistem profiling pemandu bas ekspress akan dilaksanakan dan jika tidak, kenapa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada tahun 2004, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah melaksanakan sistem *profiling* bagi pemegang lesen vokasional. Sistem *profiling* ini mempunyai maklumat-maklumat pemandu, lesen dan saman yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan JPJ sebagaimana yang terdapat dalam pangkalan data JPJ. Walau bagaimanapun, sistem ini dilaksanakan tanpa *link up* dengan agensi-agensi lain dan maklumat-maklumat saman hanya dimasukkan secara *manual*.

Sebagai langkah jangka panjang, JPJ sedang dalam usaha untuk menyediakan perkongsian maklumat secara *online* antara agensi-agensi Kerajaan seperti PDRM, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat dan Kementerian Kesihatan. Maklumat secara *online* tersebut akan dilaksanakan sebaik sahaja fasa pertama projek pengkomputeran semula JPJ dijangka siap dibangunkan pada bulan Jun 2011.

SOALAN NO: 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA TUAN AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]**

TARIKH 17 JUN 2010 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan sambutan dan kejayaan ke atas konsep 1 Malaysia dari pelbagai sudut dan lapisan masyarakat seperti pihak perkhidmatan awam, swasta, orang awam, dan masyarakat antarabangsa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai Kementerian yang meneraju promosi dan kefahaman gagasan 1 Malaysia, pelbagai program dan aktiviti telah dan sedang dilaksanakan secara berterusan oleh jabatan/agensinya di peringkat negeri maupun persekutuan. Aktiviti serta program yang dilaksanakan ini meliputi penerangan serta penjelasan mengenai konsep 1 Malaysia melalui beberapa pendekatan seperti hiburan bermaklumat, ceramah, program merakyatkan seni, kegiatan sosial dan riadah serta aktiviti komunikasi bersemuka.

Siri jelajah ke seluruh negara bagi tujuan memberi penjelasan dan kefahaman mengenai 1 Malaysia dilaksanakan secara berterusan dan ini termasuk program penghayatan 1 Malaysia yang telah diadakan di negeri Perak dan Melaka dihadiri oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Impak yang dapat dilihat daripada aktiviti serta program yang dilaksanakan adalah dari segi sambutan yang diterima serta keterlibatan rakyat dari pelbagai lapisan masyarakat termasuk dari perkhidmatan awam, swasta dan masyarakat antarabangsa. Sambutan yang diterima daripada rakyat adalah memberangsangkan dan keterlibatan ini secara tidak langsung menggambarkan kesatupaduan yang dibawa oleh konsep 1 Malaysia. Malah sektor swasta juga menyambut baik inisiatif Kerajaan terhadap 1 Malaysia dengan keterlibatan mereka dalam mempromosikan 1 Malaysia secara bersungguh-sunguh.

Di samping itu, RTM dan stesen-stesen penyiaran swasta juga banyak membantu dalam mempromosi dan menjayakan program 1 Malaysia anjuran kementerian. Kesedaran serta pendedahan mengenai 1 Malaysia melalui media elektronik dan media cetak juga penting dalam meningkatkan kefahaman rakyat mengenai 1 Malaysia dan Kementerian sentiasa menggunakan platform ini sebaik mungkin. Aktiviti komunikasi bersemuka oleh Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) juga banyak membantu dalam memberi penerangan serta penjelasan mengenai 1 Malaysia ke peringkat akar umbi.

Tuan Yang di-Pertua,

Sambutan dan kejayaan yang dapat dilihat mengenai usaha Kerajaan terhadap program 1 Malaysia dan kempen yang dilaksanakan ialah ia menjadi teras ke arah landasan yang kukuh dalam penglibatan pelbagai lapisan rakyat tanpa mengira umur, kaum, bangsa dan agama termasuk pihak perkhidmatan awam, swasta, orang awam dan sebagainya dalam program-program yang dilaksanakan seterusnya hasrat Kerajaan dapat diterjemahkan dalam kehidupan rakyat Malaysia.

SOALAN NO: if2_,

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB KULASEGARAN A/L MURUGESON

TARIKH : 17 JUN 2010(KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta PERDANA

MENTERI menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan akan memulihkan hak rayuan kepada '*Privy Council Britain*' kerana hal ini boleh menjadi satu-satunya cara untuk mengembalikan kepercayaan penuh di kalangan rakyat kepada kehakiman di Malaysia; dan
- (b) adakah sistem pengurusan kes yang baru di Mahkamah dijalankan secara efektif.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZR1 BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

- (a) Hak untuk merayu ke '*Privy Council Britain*' dalam perkara-perkara jenayah dan Perlembagaan telah dimansuhkan berkuat kuasa pada 1.1.1978 dan dalam perkara sivil berkuat kuasa pada 1.1.1985.

Pemansuhan hak rayuan ke '*Privy Council Britain*' adalah suatu keputusan simbolik yang membuktikan bahawa Negara ini berupaya untuk mengendalikan perkara perundangan dan kehakiman tanpa bantuan daripada negara luar.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, beberapa negara Komanwel seperti Australia, Kanada, Pakistan, Hong Kong, Singapura, New Zealand, Afrika Selatan, Sri Lanka, Barbados dan Guyana turut mengambil langkah yang sama dengan memansuhkan rayuan ke '*Privy Council Britain*' dan telah memberikan kuasa kepada mahkamah mereka untuk membuat

keputusan mengenai perkara kehakiman. Malah, negara yang terkini berbuat demikian adalah Belize, yang baru sahaja memansuhkan rayuan ke '*Privy Council Britain*' berkuat kuasa pada 1.6.2010.

Cadangan untuk memulihkan hak rayuan kepada '*Privy Council Britain*' merupakan suatu yang memalukan bagi Negara ini yang

berdaulat dan telah mencapai kemerdekaan selama 53 tahun. Justeru, Negara ini akan dianggap sebagai suatu Negara yang masih tidak mampu untuk menguruskan hal sendiri tanpa pertolongan daripada negara luar.

Atas alasan tersebut, Kerajaan sekeras-kerasnya menolak pandangan bahawa pemulihan hak rayuan ke '*Privy Council Britain*' adalah satu-satunya cara untuk mengembalikan keyakinan awam terhadap badan kehakiman. Bermula pada tahun 1985, badan kehakiman telah banyak melakukan perubahan antaranya Mahkamah Rayuan telah ditubuhkan pada tahun 1994 untuk mengembalikan sistem "satu perbicaraan dan dua rayuan" yang telah wujud semasa '*Privy Council Britain*'. Peningkatan kualiti dari segi tahap ketelusan dalam sistem pentadbiran dan tatacara penghakiman juga menunjukkan pelaksanaan yang efektif dan berkesan oleh badan kehakiman.

Selanjutnya, bilangan hakim dan mahkamah juga telah bertambah dan ini sekaligus dapat meningkatkan kepercayaan dan keyakinan orang awam tanpa apa-apa keperluan untuk merujuk perkara kehakiman dan perundangan Negara ini kepada tribunal di luar Malaysia.

- (b) Perkara mengenai pengurusan kes diperuntukkan di bawah Aturan 34 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Tatacara ini melibatkan proses persediaan prabicara bagi memastikan perbicaraan berjalan dengan lancar pada hari perbicaraan yang telah ditetapkan.

Sebelum sistem *tracking* diperkenalkan, tatacara pengurusan kes ini dikendalikan oleh Hakim mengikut kaedah masing-masing. Dengan kewujudan sistem *tracking* ini, tatacara pengurusan kes ini dikendalikan oleh Timbalan Pendaftar secara berpusat. Ini bermakna arahan seragam akan diberikan oleh Timbalan Pendaftar

ketika menjalankan sesi pengurusan kes dan sekiranya kes-kes tersebut sedia untuk bicara, kes-kes tersebut akan ditetapkan untuk perbicaraan penuh di hadapan Hakim. Dengan ini, semua Hakim yang menerima fail untuk pendengaran (*hearing*) akan menerima kandungan persediaan fail yang teratur yang mengandungi, antara lain, Penyata Saksi, tiga jenis Ikatan Dokumen dan Hujahan bertulis bagi kes-kes interlokutori.

Selanjutnya, pelaksanaan sistem ini dipertingkatkan dengan cara yang lebih efektif dan efisien apabila satu tarikh akan ditetapkan bagi pengurusan kes di hadapan Hakim. Dengan kaedah baru ini, proses pengurusan kes dapat dikendalikan dengan lebih sistematik oleh seseorang Hakim memandangkan Hakim tersebut dapat mengenal pasti isu-isu yang perlu dibicarakan dan sekaligus dapat menentukan keperluan memanggil saksi dalam suatu perbicaraan yang akan didengari olehnya. Melalui sistem pengurusan kes di hadapan Hakim juga, Hakim berpeluang untuk mengkaji isu-isu bagi sesuatu kes itu di peringkat awal dan seterusnya dapat menentukan sama ada proses mediasi adalah kaedah penyelesaian kes yang terbaik atau sebaliknya. Proses mediasi telah mula dilaksanakan oleh kebanyakan Hakim dan proses ini telah menunjukkan keberkesanan dalam menyelesaikan kes tanpa melalui proses perbicaraan penuh yang akan mengambil masa yang lama dan melibatkan kos yang tinggi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kaedah yang sama turut diperaktikkan di mahkamah rendah yang mana sistem pengurusan kes ini dikendalikan oleh Pendaftar. Walau bagaimanapun, sebarang isu rumit yang timbul di peringkat Pendaftar akan dikendalikan di hadapan Majistret atau Hakim Mahkamah Sesyen setelah suatu tarikh ditetapkan bagi pengurusan kes tersebut.

Sebagai kesimpulan, sistem pengurusan kes yang dilaksanakan ini telah terbukti efektif. Sebagai contoh, di Bahagian Dagang dan Bahagian Sivil Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menunjukkan peningkatan pelupusan kes secara perbicaraan penuh sebanyak enam kali ganda pada tahun 2009 berbanding dengan tahun 2008. Kini, Hakim boleh menumpukan tugas penyelesaian kes dengan sepenuhnya tanpa perlu dibebani dengan tugas pentadbiran dan pengurusan di mahkamah.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

No: 43

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang]

TARIKH 17 JUN 2010 (KHAMIS)

SOALAN Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta

PERDANA MENTERI menyatakan pembangunan terkini dalam pelaksanaan "NKRA". Di "areas" mana program jelas berjaya dan di mana yang tidak begitu ketara berjaya dan mengapa.

JAWAPAN: (YB TAN SRI DR KOH TSU KOON)

Program Transformasi Kerajaan atau *Government Transformation Program* (GTP) dengan menggunakan kaedah makmal atau "labs", Bidang Keberhasilan Utama Nasional atau *National Key Results Areas* (NKRA) dan *Key Performance Indicators* (KPI) merupakan kaedah pengurusan prestasi yang baru dan berkesan untuk memandu pembaharuan jentera kerajaan dan merealisasikan komitmen kerajaan supaya "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan," mengikut Gagasan 1 Malaysia yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri. Tujuannya adalah untuk mencapai Wawasan Negara supaya Malaysia menjadi sebuah negara maju yang bersatupadu, aman dan berpendapatan tinggi.

Enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Nasional atau *National Key Results Areas* (NKRA) telah dikenalpasti dan giat dilaksanakan sejak bulan Julai 2009, berdasarkan hasrat dan pandangan rakyat mengikut kajian dan maklumbalas setakat ini. Semua NKRA telah mencapai hasil awalan yang menggalakkan. Walau bagaimanapun, masih terdapat aspek-aspek yang

perlu ditambahbaik, manakala hasil atau impak sepenuhnya akan mengambil masa.

Di bawah NKRA untuk mengurangkan jenayah, hasil daripada penugasan semula lebih 14,000 anggota polis dan penglibatan lebih 3,000 anggota RELA dan JPAM untuk meningkatkan rondaan dan tindakan mencegah jenayah dalam 50 kawasan tumpuan atau

“hot spots”, kadar jenayah indeks telah menurun 15 peratus pada suku tahun pertama (Q1) dan kadar jenayah jalanan yang merangkumi ragut menurun hampir 40 peratus, berbanding dengan Q1, 2009. Namun demikian, usaha gigih perlu diteruskan, khasnya dalam menarik penyertaan lebih ramai orang awam melalui Rukun Tetangga, Rakan Cop, persatuan penduduk, Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) dan sebagainya supaya bekerjasama rapat dengan pihak polis untuk mencapai sasaran “keselamatan untuk semua”.

Untuk NKRA Membanteras Rasuah, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) telah diperkasakan, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat telah diluluskan, Laman Web *MyProcurement* telah dilancarkan untuk mempamerkan penganugerahan kontrak-kontrak secara telus dan terbuka. Pelaksanaan langkah-langkah ini dijangka akan mengambil masa untuk mencegah rasuah, manakala tindakan lebih tegas dan berkesan patut diambil terhadap mereka yang bersalah.

Untuk NKRA Meningkatkan Taraf Pendidikan, di antara fokus utama ialah pendidikan pra-sekolah, di mana sebanyak 929 buah kelas baru telah bermula pada bulan Januari, yang memberi manfaat kepada 18,000 kanak-kanak. Kesemuanya 7,616 buah sekolah rendah pelbagai aliran telah dinilai mengikut *ranking*, supaya mengetahui kekuatan dan kelemahan secara

perbandingan, dan mengambil langkah-langkah menambahbaik mengikut *School Improvement Toolkit*. Walau bagaimanapun, hasil atau impak dari inisiatif-inisiatif pendidikan lazimnya hanya akan dapat dinikmati dan dirasai dari segi peningkatan pencapaian dalam pengetahuan dan kemahiran serta perubahan sikap para pelajar apabila mereka tamat tahap-tahap berkenaan, supaya pada akhirnya dan menjadi tenaga kerja yang produktif dan warganegara yang patriotik.

Untuk NKRA Pengangkutan Awam Bandar, khasnya bagi Kuala Lumpur dan Lembah

Klang, sasaran adalah untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam. Penggunaan empat (4) lebuhraya yang kurang sesak sebagai laluan BET (*Bus Expressway Transit*) telah mengurangkan tempoh perjalanan dan meningkatkan bilangan pengguna bas. Penambahan lapan (8) keretapi LRT empat (4) gerabak telah beroperasi dan menghasilkan penambahan hampir sejuta penumpang. Namun demikian, banyak lagi langkah yang perlu dan tetap akan dilaksanakan sebelum dapat dicapai satu sistem pengangkutan darat yang bersepadu, yang merangkumi rapid transit, bas, teksi dan kemudahan untuk pejalan kaki.

NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar telah menetapkan sasaran yang tinggi bagi tempoh tiga (3) tahun, 2010 - 2012, iaitu, pembinaan lebih 2,400 km jalanraya, pembinaan dan pemberkualahan 17,000 rumah, penyampaian bekalan elektrik kepada 50,000 isirumah dan belakan air kepada 120,000 isirumah di kawasan-kawasan luar bandar. Di bawah NKRA Menaik Taraf Kehidupan Isirumah Berpendapatan Rendah, kadar miskin tegar telah dikurangkan 30 peratus iaitu sebanyak 12,000 isirumah dalam suku pertama tahun ini. Di samping itu, ketua isirumah miskin tegar digalakkan untuk menyertai salah satu (1) daripada empat (4) projek 1Azam, atau inisiatif "Akhiri Zaman Miskin," iaitu, Azam Tani, Azam Niaga, Azam Kerja dan Azam Khidmat. Pelaksanaan semua langkah yang dirancang dijangka mengambil masa 2 hingga 3 tahun sebelum menikmati impak yang besar.

Pada amnya, sambutan dan prestasi para penjawat awam adalah menggalakkan. Pelaksanaan NKRA dan MKRA melalui kaedah baru ini telah melibatkan ramai penjawat awam di kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkenaan. Semangat dan pendekatan baru ini juga mulai disemarakkan ke peringkat akar umbi, atau "*rank and file*", dalam agensi-agensi yang tertentu, seperti anggota polis dan guru. Walau bagaimanapun, sebarang transformasi memerlukan masa, khasnya yang melibatkan perubahan minda dan cara mengurus. Usaha gigih memang akan terus dipertingkatkan. Kerajaan memerlukan dan

mengalu-alukan sebarang maklumbalas, kritikan membina, kerjasama, sokongan dan sumbangan dari semua pihak.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA DR. LEE BOON CHYE
(GOPENG)

TARIKH PERTA
NYAAN LISAN
17.06.2010

SOALAN NO 44

Dr. Lee Boon Chye (Gopeng) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan terkini dan setiap tahun mulai tahun 2006.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Gopeng, hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus. Sehingga 31 Mac 2010, hutang Kerajaan Persekutuan keseluruhannya berjumlah RM378.3 bilion atau 50.6 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Dari jumlah tersebut, sebahagian besar hutang Kerajaan Persekutuan merupakan hutang dalam negeri yang berjumlah RM365.6 bilion atau 96.6 peratus daripada jumlah keseluruhan hutang manakala baki RM12.7 bilion atau 3.4 peratus merupakan hutang luar negeri.

2. Kerajaan Persekutuan sentiasa mengekalkan amalan untuk mendapatkan keperluan pembiayaan dari sumber dalam negeri bukan inflasi kerana kecairan pasaran domestik yang tinggi dan kos pinjaman yang lebih murah. Dari tahun 2003 sehingga tahun 2009 Kerajaan Persekutuan telah tidak meminjam daripada pasaran modal luar negara. Namun pada tahun ini Kerajaan telah menerbitkan Sukuk Global berjumlah USD1.25 bilion untuk dijadikan penanda aras bagi pinjaman korporat negara pada masa depan. Secara keseluruhan, Malaysia berada dalam kategori ‘Medium Indebtness Country’ atau negara berhutang sederhana mengikut klasifikasi Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan bagi tempoh 2006 hingga 31 Mac 2010 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (RM bilion)
2006	242,225.00
2007	266,722.00
2008	306,437.30
2009	362,386.17
31 Mac 2010	378,302.39

NO SOALAN : 45

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON (TANGGA BATU)
TARIKH	17.06.2010 (KHAMIS)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan setelah hampir 7 tahun perlaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), berapakah jumlah lepasan program itu dan apakah ukuran semangat patriotik di kalangan mereka serta adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Alumni PLKN.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Semenjak Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dilaksanakan mulai tahun 2004, seramai 502,920 orang pelatih iaitu 267,513 (53.2 %) lelaki dan 235,407 (46.8 %) wanita telah menghadiri program berkenaan.

Untuk makluman, melalui Kajian Persepsi sehingga tahun 2009 pencapaian pengukuran semangat Patriotisme secara purata adalah sebanyak 82.51%. Pencapaian ini adalah amat baik berdasarkan rumusan kajian oleh para penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang bekerjasama dalam melaksanakan Kajian Keberkesanan PLKN.

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini, bekas-bekas pelatih telah pun menubuhkan kelab Alumni PLKN pada tahun 2006. Bagi memperkasakan bekas-bekas pelatih PLKN, Kementerian telah mengambil langkah penambahbaikan dengan menubuhkan Sekretariat Alumni yang mempunyai struktur dan cawangan di peringkat

negeri.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA
[PADANG TERAP]

TARIKH JAWAPAN

17 JUN2010 (KHAMIS)

DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

NO. 46

SOALAN

TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan:

- (a) rasional persetujuan Perbadanan Aset Air Berhad (PAAB) mewakili Kerajaan dengan cadangan Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (SPLASH) bagi pengambilalihan aset-aset air di Negeri Selangor dengan penambahan nilai pampasan sebanyak RM1.53 bilion iaitu dengan harga RM10.75 bilion berbanding RM8.2 bilion; dan
- (b) memandangkan pengambilalihan sebelum ini ke atas aset-aset air di negeri-negeri lain menggunakan Nilai Buku Bersih (Net Book Value), adakah ia mengambil kira Nilai Potensi Hadapan (Future Potential Value).

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Pertama sekali, saya ingin menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa setakat

hari ini Kerajaan dan pihak Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) tidak pernah memberikan persetujuan ke atas cadangan Syarikat Pengeluar Air Selangor Sdn Bhd (SPLASH) bagi pengambilalihan aset-aset air di negeri Selangor. Pada ketika ini, Kerajaan Persekutuan bersama dengan Kerajaan Negeri Selangor sedang merundingkan pendekatan yang sesuai dan munasabah bagi menstrukturkan semula industri perkhidmatan bekalan air di negeri Selangor.

Tuan Yang Dipertua,

Cadangan pengambilalihan liabiliti dan aset air bersangkutannya oleh PAAB ditetapkan pada 1 kali nilai buku dengan aspek pengendalian dan penyelenggaraan (O&M) dikekalkan di bawah entiti sedia ada. Cadangan pihak Splash pula adalah untuk mengambil alih syarikat-syarikat konsesi sedia ada menggunakan pendekatan komersial. Oleh yang demikian, kedua-dua pendekatan tersebut berbeza dan perbandingan yang saksama sukar dibuat.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B. Datuk Dr Marcus Mijigoh (Putatan)

TARIKH 17 Jun 2010

SOALAN 48

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan:

- (a) Program pembasmian kemiskinan dan kemunduran luar bandar terutama sekali di kalangan Orang Asli, Penan dan kaum minoriti Sabah dan Sarawak dalam masa 10 tahun akan datang; dan

Soalan No:

- (b) Hubungan antara kerajaan Negeri dan Persekutuan dalam soal pemilikan tanah bagi golongan yang dimaksudkan di atas.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Kerajaan menerusi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah memberi tumpuan hebat kepada program pembasmian kemiskinan dan kemunduran luar bandar terutamanya kepada masyarakat Orang Asli. Sebagai bukti di dalam RMKe9 sebanyak RM377.3 juta telah diperuntukkan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM219.2 juta atau 58 peratus adalah bagi pelaksanaan program dan projek pembasmian kemiskinan. Selain daripada peruntukan RMKe9, masyarakat Orang Asli juga turut dibantu melalui peruntukan tambahan menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi sebanyak RM65.4 juta bagi Program Bantuan Rumah (PBR), RM25 juta untuk Projek Jalan Kampung/ Jalan Ladang dan RM200 juta untuk Projek Bekalan Air Bersih.

Untuk makluman Yang Berhormat, usaha-usaha pembasmian kemiskinan dan kemunduran luar bandar ini merupakan satu usaha yang berterusan dan pihak Kementerian begitu komited untuk memastikan program ini mencapai matlamatnya kepada kumpulan sasar. Antara projek-projek yang telah dikenal pasti dapat memberi impak dalam tempoh jangka masa panjang ialah projek perladangan menerusi tanaman kelapa sawit dan getah. Sehingga kini, sejumlah 166 buah ladang dengan keluasan 23,945.74 hektar telah dibangunkan menerusi RISDA dan FELCRA. Daripada jumlah tersebut sebanyak 96 buah ladang telah berjaya mengeluarkan hasil dan memberi faedah kepada 6,656 peserta masyarakat Orang Asli.

Selain daripada itu, pelaksanaan program pembangunan ekonomi menerusi projek tanaman kontan seperti jagung, keledek, pisang, nanas, serai dan sebagainya juga turut dikenal pasti mampu memberi sumber pendapatan kepada peserta. Projek ini telah disenaraikan di dalam 'Minister Key Result Area' (MKRA) atau KPI Menteri pada tahun 2010 melibatkan peserta seramai 512 KIR dengan anggaran kos sebanyak RM2.5 juta. Projek ini akan diteruskan pelaksanaannya di bawah RMKeO. Pada masa kini, Kementerian menerusi JHEOA juga telah melaksanakan Program Bantuan Bakul Makanan (beras, gula, minyak masak dan serbuk koko) kepada golongan miskin dan miskin tegar Orang Asli dengan peruntukan sebanyak RM13.4 juta setahun. Program ini telah mula dilaksanakan semenjak tahun 2008 dan pihak Kementerian akan memastikan program ini akan diteruskan pada masa hadapan.

Selain daripada program-program berbentuk bantuan dan insentif, pihak Kementerian menerusi JHEOA akan juga meneruskan program-program latihan kemahiran kepada belia-belia Orang Asli, program pembangunan usahawan dan program-program berbentuk perubahan minda dan sikap di kalangan masyarakat Orang Asli. Sebanyak RM30.1 juta telah diperuntukkan pada RMKe9 untuk tujuan itu. Pihak Kementerian menyasarkan pembasmian

kemiskinan sepenuhnya dalam tempoh 10 tahun akan datang selaras dengan misi nasional menjelang tahun 2020.

(b) Berhubung dengan soalan Yang Berhormat berkaitan hubungan di antara Kerajaan

Negeri dan Persekutuan dalam soal pemilikan tanah. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan menerusi Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri adalah berperanan sebagai badan penyelaras dan penasihat berkaitan dasar pemilikan tanah yang telah diwujudkan. Menerusi MTN, satu kerjasama dapat dijalankan bersama Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan isu-isu berkaitan dasar pemberimilikan tanah. Untuk makluman Yang Berhormat, Mesyuarat Majlis Tanah Negara pada 4 Disember 2009 telah bersetuju dengan cadangan dasar yang dikemukakan oleh pihak Kementerian berkaitan Dasar Pemberi Milikan dan Pembangunan Tanah Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Susulan daripada itu, pada 18 Februari hingga 24 Mac 2010 pihak Kementerian menerusi JHEOA telah mengadakan 'roadshow' kepada pemimpin-pemimpin, belia-belia dan cerdik pandai di kalangan masyarakat Orang Asli berkaitan dasar yang telah dipersetujui MTN tersebut. Segala pandangan dan maklum balas yang telah diterima akan dibawa kepada perbincangan selanjutnya di antara Y.B. Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bersama Menteri-menteri Besar yang dijangkakan bermula pada 28 Jun 2010 sebelum dasar tersebut dibentangkan semula di dalam Mesyuarat MTN.

No:48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA PUAN CHONG ENG

TARIKH 17 JUN 2010 (KHAMIS)
SOALAN NO.48

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI

menyatakan kriteria pemahaman Bahasa Malaysia dan Inggeris bagi kemasukan pelajar asing ke kursus PhD universiti tempatan dan menjelaskan adanya pelajar asing yang dilaporkan tidak memahami Bahasa Inggeris.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kefasihan dalam bahasa Inggeris adalah merupakan syarat wajib bagi pelajar-pelajar antarabangsa yang ingin mengikuti pengajian di IPTA dan IPTS. Pelajar-pelajar antarabangsa perlu memenuhi *band* atau skor minima di dalam ujian *International English Language Testing System* (IELTS) dan *Test of English as a Foreign Language* (TOEFL). *Band* atau skor minima adalah berbeza bagi program pengajian yang diikuti.

Sebagai contoh, Universiti Malaya (UM) mensyaratkan pelajar antarabangsa perlu memperolehi sekurang-kurangnya *band* 6 pada ujian IELTS bagi program tertentu. Namun bagi program pengajian undang-undang, pelajar antarabangsa perlu mendapatkan sekurang-kurangnya *band* 7 pada ujian IELTS.

Dalam meningkatkan penguasaan bahasa Melayu, IPTA turut menawarkan program bahasa Melayu kepada pelajar-pelajar antarabangsa bagi memudahkan mereka berkomunikasi dengan masyarakat setempat.

NO. AUM : 46 NO.

AUP : Y

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN
[KOTA BELUD]

TARIKH 17 JUN 2010

RUJUKAN 2721

SOALAN:

**Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk menangani isu kesilapan status agama dalam MyKad rakyat Malaysia di Sabah.
Tuan Yang Dipertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kota Belud yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri khususnya Jabatan Pendaftaran Negara tidak mempunyai kuasa untuk menukar atau menentukan status agama dalam MyKad bagi rakyat Malaysia termasuk mereka yang menetap di Sabah di bawah mana-mana undang-undang yang sedia ada.

Status agama yang didaftarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara dalam MyKad adalah berdasarkan kepada agama ibu dan bapa kanak-kanak semasa didaftarkan. Bagi mereka yang hendak menukarkan status agama asal yang telah didaftarkan kepada agama yang baru, Jabatan Pendaftaran Negara memerlukan pengesahan dokumen sebagai bukti, seperti Surat Perintah Mahkamah Syariah bagi orang-orang Islam, sementara dokumen-dokumen pengesahan daripada pihak berkuasa institusi agama yang berkenaan bagi orang-orang Bukan-Islam. Sekiranya dokumen-dokumen tersebut dapat diserahkan sebagai bukti, maka Jabatan Pendaftaran Negara akan membuat pindaan kepada status agama individu berkenaan.

Dalam hal ini, isu kesilapan status agama dalam MyKad yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kota Belud adalah tidak timbul. Oleh itu, Kementerian ingin menjelaskan bahawa Jabatan Pendaftaran Negara adalah tidak bertanggungjawab untuk menentukan status agama bagi setiap rakyat Malaysia, melainkan

dengan adanya dokumen-dokumen sokongan yang ditetapkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI
[TITIWANGSA]**

TARIKH 17 JUN 2010 (KHAMIS)

SOALAN

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan berapakah kos iklan dan promosi 1 Malaysia yang Kerajaan telah belanjakan atau telah peruntukkan serta siapakah pengarah-pengarah syarikat yang mendapat kontrak iklan dan promosi sama ada media cetak atau elektronik bagi 1 Malaysia dan setakat ini apakah kesan 1 Malaysia kepada kesatu paduan kaum.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha mempromosikan 1 Malaysia dilaksanakan dengan

SOALAN NO: SO

menggunakan peruntukan sedia ada Kementerian melalui pelbagai mekanisme seperti

aktiviti komunikasi bersemuka, publisiti luaran, media cetak, media elektronik dan media baru. Sehubungan itu, tiada peruntukan khas diberikan kepada Kementerian ini bagi mempromosikan 1 Malaysia.

Kesan dari usaha Kerajaan mempromosi Gagasan 1 Malaysia dapat dilihat melalui penglibatan dan penyertaan pelbagai kaum, agama dan etnik dalam setiap program dan aktiviti yang dilaksanakan sama ada di peringkat nasional, negeri atau pun daerah. Ini memperlihatkan bahawa program-program dan kempen Gagasan 1 Malaysia dapat dijadikan platform untuk meningkatkan perpaduan, toleransi, keharmonian, kerjasama antara kaum.

SOALAN NO : 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

DARIPADA	PE RT	LISAN	MICHAEL
		DATUK DR. MUHAMMAD LEO	
ANYAAN		TOYAD	
		[MUKAH]	
TARIKH			17 JUN 2010
		SOALAN	

Datuk Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [Mukah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah katil dan berapakah jabatan ‘specialist’ yang akan disediakan di hospital baru bahagian Mukah.

Tuan Yang di-Pertua,

Pembinaan Hospital Mukah yang baru dengan bilangan katil 76 unit adalah masih dalam peringkat cadangan. Hospital ini pada peringkat permulaan tidak akan disediakan dengan perkhidmatan pakar. Walaupun demikian, pesakit yang memerlukan perkhidmatan pakar akan dirujuk ke hospital berpakar yang dekat. Lawatan berkala oleh Pakar Perubatan akan turut disediakan.

Proses pembinaan hospital ini telah bermula dengan pengenalpastian tapak untuk tujuan tersebut. Walaupun demikian, pihak kementerian terpaksa menolak tapak tanah yang telah dikenalpasti setelah meneliti laporan teknikal yang dikemukakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan juga Jabatan Kerja Raya (JKR) bahawa tanah tersebut tidak sesuai di mana ia adalah kawasan tanah liat, berpaya dan

berpontesi untuk mengalami banjir. Tapak lokasi berkenaan juga melibatkan kos pembangunan tanah serta rawatan yang tinggi mencecah RM19 juta. Di samping itu, tapak yang dicadangkan terletak jauh dari penempatan penduduk iaitu 23km dari Pekan Mukah. Sehubungan dengan itu, tapak baru akan dikenalpasti.

Sementara itu, perkhidmatan rawatan kesihatan akan terus diberikan di hospital sedia ada. Dalam jangka masa pendek ini, Kementerian akan berusaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan perubatan yang diberi di hospital tersebut dengan pembekalan peralatan tambahan serta naik taraf fasiliti yang sedia ada.

Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi I sejumlah RM366,156.00 telah diluluskan untuk naik taraf di Hospital Mukah dan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi II sejumlah RM496,000.00 untuk kerja-kerja naiktaraf fasiliti di HDU, Jabatan Trauma dan Kecemasan, wad Pediatrik dan Pejabat Pentadbiran telah dibelanjakan. Bagi pembelian peralatan perubatan sebanyak RM242,017.71 telah diluluskan. Pada tahun 2010, sebanyak RM 175,400.00 telah diluluskan untuk menambah dan menaiktaraf Makmal Patologi di Hospital Mukah sedia ada.

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR [JERAI]

TARIKH 17 JUN 2010

NO.AUM : 58

RUJUKAN 2723

SOALAN:

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah Seksyen 100 Hak Pertahanan Persendirian bagi tujuan melindungi diri boleh digunakan oleh orang awam ke atas anggota keselamatan dan nyatakan dalam situasi sebagaimana hak tersebut boleh diguna pakai.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Jerai yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, hak mempertahankan diri seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 100 Kanun Keseksaan boleh digunakan oleh sesiapa sahaja jika kesalahan yang menyebabkan hak itu dijalankan adalah salah satu dari jenis-jenis berikut:

- (i) sesuatu serangan yang munasabah menyebabkan ketakutan bahawa kematian akan berakibat dari serangan itu jika hak mempertahankan diri tidak dijalankan;**
- (ii) sesuatu serangan yang munasabah menyebabkan ketakutan bahawa cedera parah akan berakibat dari serangan itu jika hak pertahanan tersebut tidak dijalankan;**
- (iii) sesuatu serangan dengan niat melakukan rogol;**
- (iv) sesuatu serangan dengan niat memuaskan nafsu luartabii;**
- (v) sesuatu serangan dengan niat menculik atau melarikan orang; dan**

sesuatu serangan dengan niat hendak mengurung seseorang dengan salah dalam keadaan yang munasabah menyebabkan ia takut bahawa ia tidak akan boleh mendapat pertolongan pihak berkuasa awam bagi kelepasannya.

NO.AUM : 54

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN :	LISAN
DARIPADA	TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]
TARIKH	17 JUN 2010
RUJUKAN	2722

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah "*child trafficking*" dan keberkesanannya.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puchong yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, pihak Kerajaan memandang serius jenayah pemerdagangan orang termasuk jenayah pemerdagangan kanak-kanak. Tafsiran kanak-kanak mengikut Akta Antipemerdagangan Orang 2007 adalah seseorang yang dibawah umur lapan belas tahun.

Antara langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah jenayah pemerdagangan kanak-kanak ialah dengan menyediakan satu seksyen khusus bagi jenayah ini di dalam Akta Antipemerdagangan Orang 2007.

Di bawah Seksyen 14 Akta ini, pesalah yang disabitkan dengan kesalahan ini boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada tiga tahun tetapi tidak melebihi dua puluh tahun, dan boleh juga didenda.

Kerajaan turut menguatkuasakan Akta sedia ada yang berkaitan seperti Akta Kanak-Kanak 2000 di samping menjalankan risikan, siasatan dan pertuduhan secara berterusan bagi menangani kegiatan pemerdagangan kanak-kanak ini. Pelbagai program bagi meningkatkan kesedaran masyarakat berkaitan isu pemerdagangan kanak-kanak juga dibuat melalui media massa, seminar, forum dan majlis perbincangan dengan masyarakat.

Hasil daripada penguatkuasaan Akta Antipemerdagangan Orang 2007, bagi tempoh 28 Februari 2008 hingga 16 Mei 2010, seramai 86 orang kanak-kanak telah diberikan perintah perlindungan sementara (IPO) di bawah Seksyen 44(1) Akta Antipemerdagangan Orang 2007. Dari jumlah tersebut, seramai 51 orang kanak-kanak telah dikenal pasti sebagai mangsa sebenar pemerdagangan orang dan telah diberikan perintah perlindungan (PO) di bawah Seksyen 51(1) Akta yang sama.

Di bawah penguatkuasaan Akta Kanak-Kanak 2000 pula, sebanyak 29 kertas siasatan telah dibuka oleh pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Seramai 60 orang kanak-kanak dan bayi telah diselamatkan sejak tahun

NO. SOALAN :

2000 di bawah Akta ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD

[SHAH ALAM

] f ARIKH : 17 JUN 2010

SOALAN :

SOALAN 32:

Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta PERDANA MENTERI menyatakan sikap Kerajaan terhadap cadangan penubuhan Jawatankuasa Penyiasatan Bebas untuk menangani aduan-aduan terhadap polis (IPCMC).

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan dalam usaha menubuhkan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (*Enforcement Agencies Integrity Commision - EAIC*) dan sekarang dalam peringkat mengenalpasti perjawatan dan peruntukan perbelanjaan suruhanjaya berkenaan. Sehubungan itu, buat masa ini Kerajaan berpendapat tiada keperluan untuk menubuhkan jawatankuasa seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

SOALAN NQ.i#

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH
[SUBANG]**

TARIKH : 17 JUN 2010

SOALAN:

Tuan Sivarasa a/l K.Rasiah [Subang] minta PERDANA MENTERI menyatakan kenapa Kerajaan tidak bercadang menurunkan umur kelayakan mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun pada hal seorang warganegara Malaysia berumur 18 tahun berhak berkahwin, menjadi anggota tentera negara, memulakan satu syarikat, membeli saham dan bayar cukai pendapatan kepada Kerajaan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZR1 BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan berpendapat umur matang bagi seseorang warganegara Malaysia adalah 21 tahun. Rakyat Malaysia yang di bawah umur tersebut adalah ditakrifkan sebagai remaja yang kebanyakannya masih lagi di alam persekolahan. Walaupun seseorang warganegara Malaysia dibenarkan berkahwin, menjadi anggota tentera negara, memulakan satu syarikat, membeli saham dan membayar cukai pendapatan kepada Kerajaan, bahkan mereka boleh bergiat di dalam parti politik seawal umur 18 tahun, namun, Kerajaan telah menentukan, kelayakan umur mengundi bagi seseorang warganegara Malaysia adalah apabila dia mencapai umur 21 tahun. Ini berdasarkan kepada Perkara 119 (1) Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan seseorang warganegara berumur 21 tahun dan ke atas, menetap di mana-mana bahagian pilihan raya di Malaysia dan tidak hilang kelayakan sebagai pemilih, layak untuk mendaftar sebagai pemilih.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

NO ALM : 60

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD

[KOTA RAJA]

TARIKH 17 JUN 2010

RUJUKAN 2724

SOALAN:

Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa pusat tahanan / depot PATI di seluruh negara dan kapasiti setiap satu serta apakah perancangan Kerajaan menyelesaikan masalah penampungan PATI yang ditahan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Kota Raja yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 13 Depot Imigresen di Semenanjung Malaysia dan Sarawak di bawah pentadbiran dan pengurusan Jabatan Imigresen Malaysia. Manakala di Sabah pula, terdapat 5 Pusat Tahanan Sementara (PTS) yang ditadbir dan diuruskan oleh Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah / Labuan). Kapasiti kesemua Depot Imigresen dan Pusat Tahanan Sementara (PTS) adalah seperti berikut:

- i) **Depot Imigresen Ajil, Terengganu seramai 700 orang;**
- ii) **Depot Imigresen Tanah Merah, Kelantan seramai 500 orang;**
- iii) **Depot Imigresen Kemayan, Pahang seramai 400 orang;**
- iv) **Depot Imigresen Juru, Pulau Pinang seramai 450 orang;**
- v) **Depot Imigresen Belantik, Kedah seramai 350 orang;**
- vi) **Depot Imigresen Langkap, Perak seramai 1,000 orang;**
- vii) **Depot Imigresen Semenyih, Selangor sedang dinaik taraf;**
- viii) **Depot Imigresen Lenggeng, Negeri Sembilan seramai 1,250 orang;**
- ix) **Depot Imigresen KLIA, Selangor seramai 600 orang;**
- x) **Depot Imigresen Machap Umboo, Melaka seramai 500 orang;**
- xi) **Depot Imigresen Pekan Nenas, Johor seramai 700 orang;**
- xii) **Depot Imigresen Semuja, Sarawak seramai 500 orang;**
- xiii) **Depot Imigresen Bekenu, Sarawak seramai 800 orang;**
- xiv) **PTS Kota Kinabalu, Sabah seramai 1,200 orang;**

- xv) PTS Papar, Sabah seramai 2,800 orang;
- xvi) PTS Sandakan, Sabah seramai 600 orang;
- xvii) PTS Sibuga, Sabah seramai 600 orang; dan
- xviii) PTS Tawau, Sabah seramai 1,200 orang.

Jumlah keseluruhan tahanan yang mampu ditempatkan dalam Depot Imigresen adalah seramai 7,750 orang manakala di Pusat Tahanan Sementara pula adalah seramai 6,400 orang.

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah lambakan tahanan warganegara asing di depot-depot seperti berikut:

- i) Mahkamah Sesyen PATI diwujudkan di depot-depot untuk mempercepatkan perbicaraan dan pendakwaan kes-kes imigresen; dan
- ii) melaksanakan program yang bertujuan untuk mempercepatkan penghantaran pulang PATI, di mana PATI yang melakukan kesalahan memasuki Malaysia tanpa Pas atau Permit yang sah dan tinggal di Malaysia selepas tamat tempoh Pas, hanya dikenakan kompaun yang nominal tanpa perlu melalui perbicaraan di Mahkamah Sesyen PATI sebelum dihantar pulang ke negara asal.

NO:57

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
(KUALA SELANGOR)**

LISAN PERTANYAAN

TARIKH 17.06.2010

SOALAN 57 NO

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad (Kuala Selangor) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berapakah jumlah transaksi yang dianggarkan dalam perjudian Piala Dunia yang akan berlangsung nanti dan berapakah anggaran pendapatan cukai kepada negara dari sumber perjudian sukan berlesen ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat jua, Kerajaan belum lagi mengeluarkan / memberi lesen kepada Syarikat Ascot Sports Sdn Bhd untuk menjalankan operasi pertaruhan *bookie* di Malaysia .

2. Kerajaan juga belum memuktamadkan perbincangan mengenai syarat-syarat dan terma-terma pelesenan dengan Syarikat Ascot Sports bagi menjalankan operasi pertaruhan *bookie*

di Malaysia.

3. Kerajaan masih mendapatkan maklumbalas/ pandangan pelbagai pihak terhadap cadangan perlesenan pertaruhan *bookie* di Malaysia dengan hasrat untuk mengurang dan seterusnya menghapuskan perjudian tanpa lesen di Malaysia.

PEMBERITAHU
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN
PERTANYAAN
DARIPADA Y.B TUAN TONY PUA KIAM
TARIKH 17.06.2010
WEE (PETALING JAYA
UTARA)
(KHAMIS)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :-

- (a) Sebab pembelian kasut kulit wanita kepada kakitangan awam Kementerian yang bernilai RM2.7 juta; dan
- (b) Butiran terperinci pembelian kasut seperti jumlah petender, kuantiti dan spesifikasi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kontrak Membekal dan Menghantar Kasut Kulit Wanita untuk Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan bagi tempoh tiga tahun mulai 1 Mei 2009 hingga 30 April 2012 adalah berjumlah RM275.49 ribu sahaja bukannya RM2.7 juta. Ralat pada maklumat awal yang dipaparkan di portal MyProcurement Kementerian Kewangan adalah disebabkan oleh kesilapan teknikal.

Perolehan kasut untuk kakitangan Kementerian ini dibuat secara tender di mana sebanyak tujuh petender telah mengambil bahagian. Perolehan sebanyak 5,874 pasang kasut adalah untuk kegunaan kakitangan berikut:

- a) 2,730 pasang bagi Pembantu Am Pejabat, Tukang Masak dan Pembantu Hal Ehwal Islam,**
- b) 2,706 pasang bagi Jururawat dan Pembantu Makmal, dan**
- c) 438 pasang bagi Attendant.**

%20YB%20TnTony%20Pua%20Kiam%20Wee%20- **2**

%20Petaling%20Jaya%20Utara[1J

NO. AUM : 6/&I

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN LISAN
DARIPADA TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT [KUALA
TERENGGANU]**

TARIKH 17 JUN 2010

RUJUKAN 2725

SOALAN:

**Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah usaha yang diambil
untuk mengawal lumba haram dan kegiatan "Mat Rempit" yang
semakin berleluasa khususnya di daerah Kuala Terengganu.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Terengganu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kerajaan amat serius di dalam perkara ini dan telah merangka pelan tindakan jangka pendek dan panjang bagi menangani gejala lumba haram di seluruh negara termasuk di daerah Kuala Terengganu.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi pelan tindakan jangka pendek, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) khususnya Cawangan Trafik telah mengadakan operasi-operasi samseng jalanan (Mat Rempit) secara besar-besaran dan berterusan di seluruh negara. Hasil daripada 915 operasi yang dijalankan sepanjang tahun 2009 oleh Polis DiRaja Malaysia Kontinjen Terengganu, seramai 58 orang telah ditangkap dan 21 orang daripadanya telah didakwa di Mahkamah. Bagi tempoh sehingga bulan Mei 2010, sebanyak 226 operasi telah dijalankan dan seramai 22 orang ditangkap serta 6 orang daripadanya telah didakwa di Mahkamah.

Pihak polis juga telah mengadakan Operasi Bersepadu bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Siasatan Jenayah, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik dan Pihak Berkuasa Tempatan

(PBT) bagi membendung aktiviti lumba haram dan samseng jalanan.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh jangka panjang, pihak polis bersama-sama dengan agensi berkaitan turut mengadakan langkah-langkah advokasi serta pendekatan ‘community policing’ secara berterusan bagi memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai peraturan dan keselamatan jalan raya.

DEWAN RAKYAT

MALAYSIA PERTANYAAN LISAN PERTANYAAN

LISAN

**DARIPADA : DR TAN SENG GIAW
[KEPONG]**

TARIKH 17 JUN 2010

SOALAN

Dr Tan Seng Giaw (Kepong) minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan langkah-langkah yang berkesan untuk menentukan lebih 50% bumi Malaysia diselubungi dengan hutan. Apakah masalah-masalah yang dihadapi untuk melaksanakan program-program memelihara alam sekitar?

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia komited untuk memastikan bahawa sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara dilitupi kawasan berhutan. Pada masa ini, keluasan kawasan berhutan di Malaysia adalah sebanyak 56.42% dari keluasan tanah negara. Peratusan kehijauan negara ini akan meningkat kepada 74% sekiranya kita mengambil kira keluasan perladangan kelapa sawit dan getah.

Sungguh pun demikian, bagi memastikan sekurang-kurangnya 50% daripada

keluasan tanah negara sentiasa dilitupi dengan hutan, Kementerian dan jabatan-jabatannya akan terus melaksanakan tindakan-tindakan seperti berikut:

- i. Mewartakan lebih 50% keluasan tanah negara sebagai Hutan Simpanan Kekal dan lain-lain kategori guna tanah hutan seperti Taman Negara, Hutan Tadahan Air dan hutan bagi perlindungan hidupan liar;
- ii. Mengelakkan keluasan Hutan Simpanan Kekal sedia ada;
- iii. Memastikan kawasan-kawasan Hutan Simpanan Kekal yang diwarta keluar hendaklah diganti;
- iv. Mengamalkan pengurusan hutan secara berkekalan;
- v. Mempergiatkan usaha kerja-kerja penanaman pokok hutan di kawasan hutan terosot; dan
- vi. Menjalankan Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Persisiran Pantai Negara.

Selain itu, bagi program-program penghijauan negara yang bakal dilaksanakan, Kementerian telah merancang program jangka pendek dan jangka panjang untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pentingnya pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar melalui program penanaman pokok bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014. Pada 22 April 2010 ini, satu Kempen Menanam 26 Juta Pokok dengan tema “Hijaukan Bumi: Satu Warga, Satu Pokok” telah dilancarkan secara serentak di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menggubal pelbagai dasar, perundangan termasuk peraturan-peraturannya dan program bagi melindungi dan memelihara alam sekitar. Dasar, perundangan dan garis panduan sedia ada ini memberi panduan kepada semua pihak termasuk agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, sektor industri dan masyarakat bagi memastikan sumber asli negara digunakan secara lestari serta alam sekitar negara dipelihara. Sebagai contoh, sektor perindustrian dan pertanian digalakkan mengamalkan teknologi dan pengeluaran bersih yang mesra alam untuk menangani pencemaran alam sekitar.

SOALAN NO.: 60

Walau bagaimana pun, ketidakpatuhan kepada undang-undang dan peraturan serta garis panduan tersebut merupakan antara masalah yang dihadapi dalam usaha-usaha memelihara alam sekitar negara. Umpamanya, pembalakan atau pengubahan tanah hutan yang dijalankan secara tidak terkawal tanpa mengambil langkah-langkah kawalan pencemaran dan tidak dilaksanakan mengikut pengurusan hutan secara lestari (*sustainable forest management*) boleh menyebabkan pencemaran alam sekitar dan merosakkan keseimbangan ekosistem.

Selain masalah tersebut, pembangunan fizikal untuk memenuhi keperluan penduduk yang semakin bertambah juga membawa kepada konflik pembangunan tanah dengan pemeliharaan hutan dan alam sekitar. Kegagalan untuk mengambil kira faktor alam sekitar dalam perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan akan membawa kesan-kesan negatif terhadap alam sekitar.

Penguatkuasaan undang-undang sahaja sahaja tidak mencukupi untuk membendung pencemaran alam sekitar tanpa kerjasama dan penglibatan semua pihak berkepentingan dan masyarakat umum. Yang lebih berkesan ialah sikap dan komitmen semua pihak terhadap pemeliharaan alam sekitar demi kepentingan generasi masa kini dan masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. 61

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATUK MD. SIRAT BIN ABU (BN)

(BUKIT KATIL)

TARIKH 17 JUN 2010 (KHAMIS)

SOALAN

YB Datuk Md. Sirat bin Abu (BN) (Bukit Katil) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WAN IT A, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian dalam mengatasi isu penderaan kanak-kanak yang berterusan dan pembuangan bayi yang bersiri. Sejauh manakah tindakan undang- undang telah diambil terhadap pelaku penderaan dan pembuang bayi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius akan isu penderaan kanak-kanak dan pembuangan bayi yang semakin berleluasa sejak kebelakangan ini. Perbuatan membuang bayi adalah merupakan perbuatan zalim, tidak berperikemanusiaan dan patut dibendung oleh setiap lapisan masyarakat. Bagi menangani kedua-dua isu ini, KPWKM telah melancarkan kempen Kami Prihatin dengan kerjasama Kumpulan Utusan Malaysia, Persatuan Karyawan dan Astro pada 8 April 2010.

Kempen tersebut bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat untuk bersama-sama menangani perbuatan mendera kanak-kanak dan membuang bayi.

Seterusnya, KPWKM juga telah bekerjasama dengan Pertubuhan Kebajikan dan Pengurusan Anak-anak Yatim Kuala Lumpur (*OrphanCARE*) iaitu sebuah pertubuhan bukan kerajaan bagi mewujudkan tempat khas yang dikenali sebagai “pelindung bayi” atau, dengan izin, “*baby hatch*”. “*Baby hatch*” ini bertujuan bagi menempatkan bayi dengan selamat untuk ibu-ibu terdesak yang tidak menginginkan bayi mereka. Pengurusan *baby hatch* berkenaan akan membantu mendapatkan keluarga angkat yang sesuai kepada bayi tersebut.

Selain itu, KPWKM telah mewujudkan Talian NUR 15999 bagi membolehkan sebarang aduan berkenaan penderaan kanak-kanak disalurkan kepada pihak yang berwajib untuk tindakan selanjutnya. Remaja dan wanita yang mengandung luar nikah juga boleh mendapatkan khidmat nasihat atau kaunseling melalui Talian NUR 15999 bagi mengelakkan mereka daripada terjebak dengan perbuatan membuang bayi. Talian ini beroperasi 24 jam sehari sepanjang tahun.

KPWKM juga telah menggubal Dasar Perlindungan Kanak-kanak Negara (DPKK) yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 29 Julai 2009. DPKK bertujuan untuk memastikan setiap kanak-kanak mendapat perlindungan daripada pengabaian, penderaan, keganasan dan eksplorasi. DPKK juga menjadi pemangkin kepada kesedaran dan komitmen semua pihak, termasuk setiap anggota masyarakat untuk melindungi kanak-kanak.

Di samping itu, Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reprouktif dan Sosial Kebangsaan (DPKRS) juga telah diluluskan pada 6 November 2009 bagi menangani isu-isu

sosial di kalangan masyarakat. Dasar ini bertujuan untuk melahirkan individu yang berpengetahuan dan mempunyai sikap positif dalam bidang kesihatan reproduktif dan sosial. Dalam hal ini, antara tumpuan utama DPKRS ialah advokasi bagi meningkatkan kesedaran mengenai pendidikan kesihatan reproduktif terutama di kalangan kanak-kanak dan remaja.

Tuan Yang di-Pertua,

Dari segi undang-undang, terdapat 2 akta yang boleh digunakan untuk mengenakan hukuman kepada pesalah laku iaitu Akta Kanak-kanak 2001 dan Kanun Keseksaan. Seksyen 31, Akta Kanak-kanak 2001 memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang didapati melakukan kesalahan menganiaya, mengabai atau membuang kanak- kanak boleh didenda tidak melebihi RM20.000 atau di penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali. Selain itu, Seksyen 33 Akta Kanak-kanak 2001 pula memperuntukkan bahawa mana-mana ibu bapa yang membiarkan kanak- kanak tanpa pengawasan yang berpatutan, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM5,000 atau di penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya.

Manakala Seksyen 317 Kanun Keseksaan pula memperuntukkan hukuman kepada ibu bapa yang didapati bersalah membuang kanak-kanak di bawah umur 12 tahun boleh di penjara selama tempoh tidak melebihi 7 tahun atau didenda atau kedua-duanya sekali. Mengikut perangkaan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari tahun 2007 hingga tahun 2010 (sehingga bulan April) terdapat sebanyak 980 kes pembuangan bayi dan penderaan kanak-kanak yang dilaporkan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 14 kes penderaan kanak-kanak dan 6 kes pembuangan bayi telah dijatuhkan hukuman.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menggesa semua ahli masyarakat supaya dapat membantu Kerajaan untuk menangani masalah penderaan kanak-kanak dan pembuangan bayi dengan menggunakan kaedah-kaedah yang telah saya sebutkan.

